

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

NEGERI SELANGOR

TAHUN 2017

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	PENDAHULUAN
xi	INTI SARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017
3	Pendahuluan
4	Objektif dan Metodologi Pengauditan
4	Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
	BAHAGIAN II
	ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
9	Latar Belakang
9	Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri
9	Kumpulan Wang Disatukan
11	Wang Awam
14	Akaun Hasil Disatukan
24	Akaun Pinjaman Disatukan
24	Akaun Amanah Disatukan
37	Penyata Prestasi Kewangan
38	Penyata Akaun Memorandum
48	Nota Kepada Penyata Kewangan
51	Rumusan dan Syor Audit
	BAHAGIAN III
	RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI
55	Status Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11
59	Rumusan

BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

63	Pendahuluan
63	Pengauditan Penyata Kewangan
63	Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
64	Pembentangan Penyata Kewangan
65	Pengesahan Penyata Kewangan
65	Prestasi Kewangan
78	Rumusan dan Syor Audit

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

83	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
83	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

87 PENUTUP

LAMPIRAN

91	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	I
95	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	II
96	Penyata Kedudukan Kewangan	III
97	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	IV
98	Penyata Prestasi Kewangan	V
99	Penyata Akaun Memorandum	VI
100	Nota Kepada Penyata Kewangan	VII




PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2017 ini mengandungi laporan mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Analisis Kewangan Kerajaan Negeri, Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri, Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan dan Prestasi Penyata Kewangan Agensi Negeri serta Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
2. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor akan memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Selangor.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2017 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan Negeri sepanjang tahun 2017. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2017, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan ialah bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standard of Supreme Audit Institution (ISSAI) 1000*.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Madinah Binti Mohamad', with a horizontal line drawn underneath it.

(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

23 Oktober 2018



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota kepada Penyata Kewangan telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2017 adalah kukuh. Baki Kumpulan Wang Disatukan menurun sejumlah RM212.39 juta (6.9%) berbanding tahun 2016. Kutipan hasil meningkat sejumlah RM310.44 juta (12.4%) manakala pelaburan menurun sejumlah RM887.17 juta (29.6%) berbanding tahun 2016. Kerajaan Negeri mencatat peningkatan defisit di Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM368.56 juta (25.4%) pada tahun 2017 dan berbanding defisit sejumlah RM144.66 juta pada tahun 2016. Baki Pinjaman Boleh Dituntut dan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut masing-masing meningkat sejumlah RM149.48 juta (14.4%) dan RM2.74 juta (3.6%). Hutang Awam meningkat sejumlah RM25.85 juta (2.4%) pada tahun 2017 manakala tunggakan bayaran balik Hutang Awam telah menurun sejumlah RM0.81 juta (5.5%). Kerajaan Negeri disarankan supaya mengamalkan perbelanjaan berhemat secara berterusan dan hanya berbelanja mengikut keperluan. Selain itu, usaha perlu dipertingkatkan untuk mengutip Pinjaman Boleh Dituntut dan Tunggakan Hasil/Bayaran Balik Pinjaman/Hutang Lain daripada Jabatan/Agensi Kerajaan supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sentiasa berada dalam keadaan kukuh.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan RMKe-11 bagi tahun 2017 adalah sangat baik kerana sebanyak 90.7% peruntukan pembangunan tahun 2017 telah dibelanjakan. Prestasi pelaksanaan projek adalah memuaskan memandangkan bagi tempoh tahun kedua RMKe-11 sehingga akhir tahun

2017, sebanyak 38 projek (11.4%) telah disiapkan, 122 projek (36.6%) sedang dalam pelaksanaan dan 173 projek (52%) belum mula atau dalam perancangan. Perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan yang cekap dan berkesan hendaklah diberi perhatian bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.

BAHAGIAN IV - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

4. Sehingga 31Julai 2018, kedudukan penyerahan penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2017 adalah baik di mana kesemua 26 agensi telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 untuk diaudit. Daripada 26 agensi tersebut, 13 agensi telah mengemukakan penyata kewangan tidak lewat daripada 30 April 2018 manakala 13 agensi selepas tarikh tersebut. Bagi pengesahan penyata kewangan tahun 2017 pula, 25 penyata kewangan yang telah diterima sedang diaudit dan satu (1) penyata kewangan telah disahkan. Semua penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2016 telah dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara dan dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 3 November 2017 kecuali satu (1) agensi dibentangkan pada 27 Mac 2018.

5. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan 12 Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2017 adalah baik. Keuntungan terkumpul, jumlah aset dan aset semasa bersih masing-masing meningkat sejumlah RM136.62 juta (2.4%), RM747.11 juta (10.2%) dan RM480.09 juta (14.3%) walaupun surplus berkurang sejumlah RM180.68 juta (56.4%) berbanding tahun 2016. Sebanyak sembilan (9) syarikat subsidiari Badan Berkanun Negeri telah mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM870.31 juta. Manakala lapan (8) syarikat subsidiari mencatat kerugian terkumpul berjumlah RM129.88 juta. Prestasi kewangan 12 Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2017 adalah memuaskan di mana Aset Semasa Bersih dan kutipan cukai taksiran masing-masing meningkat 1.7% dan 4.3% diimbang dengan penurunan surplus sejumlah RM46.06 juta (37.3%) dan peningkatan Tunggakan Cukai Taksiran sejumlah RM36.86 juta (6.8%).

BAHAGIAN V - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Negeri Selangor. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2016 serta Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan

Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2016 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 27 Mac 2018. Sepanjang tahun 2017 hingga 31 Julai 2018, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor tidak membincangkan perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2015 dan 2016. Bagaimanapun, jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali untuk membuat pemeriksaan dan membincangkan isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2014 serta 2015.

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2017

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 kepada Jabatan Audit Negara pada **1 Februari 2018**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2017 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Laporan Bendahari, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Laporan Bendahari menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta memberi ringkasan urusan niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.5. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2017. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula

adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.8. Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan dasar perakaunan, nota penjelasan dan maklumat lain yang perlu didedahkan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2017. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. *Exit Conference* bersama YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, YB. Dato' Penasihat Undang-undang dan Ketua-ketua Jabatan/Agensi telah diadakan pada 8 Jun 2018.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang

munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2017 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. Pada Pendapat Audit secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor **menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota kepada Penyata Kewangan adalah seperti **Lampiran I hingga Lampiran VII.**



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2017 juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM2.84 bilion. Jumlah ini merupakan baki terkumpul bagi tiga (3) akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan menurun sejumlah RM212.39 juta kepada RM2.84 bilion pada tahun 2017 berbanding RM3.05 bilion pada tahun 2016. Penurunan ini adalah kesan daripada penurunan baki Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM368.56 juta dan penurunan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM169.75 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Selangor pada akhir tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Hasil Disatukan	1,082.36	1,450.92	-368.56	-25.4
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,756.45	1,600.28	156.17	9.8
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	971.15	1,140.90	-169.75	-14.9
i. Kumpulan Wang Pembangunan	157.81	128.84	28.97	22.5
ii. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	24.47	5.13	19.34	377.0
iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	769.33	991.30	-221.97	-22.4
iv. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	19.54	15.63	3.91	25.0
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	533.28	321.90	211.38	65.7
c. Akaun Deposit	252.02	137.48	114.54	83.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	2,838.81	3,051.20	-212.39	-6.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016


4.2.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat setiap tahun daripada RM2.90 bilion pada tahun 2013 kepada RM3.26 bilion pada tahun 2015 sebelum menurun pada tahun 2016 dan 2017 kepada RM3.05 bilion dan RM2.84 bilion. Baki Akaun Hasil Disatukan juga meningkat setiap tahun daripada RM1.09 bilion pada tahun 2013 kepada RM1.60 bilion pada tahun 2015 sebelum menurun pada tahun 2016 dan 2017 kepada RM1.45 bilion dan RM1.08 bilion. Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar dari tahun 2013 hingga 2017. Sementara itu, baki Akaun Amanah Disatukan meningkat setiap tahun daripada RM1.82 bilion pada tahun 2013 kepada RM2 bilion pada tahun 2014 dan mula menurun pada tahun 2015 serta 2016 tetapi meningkat semula kepada RM1.76 bilion pada tahun 2017.

JADUAL 4.2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Akaun Hasil Disatukan	1,090.40	1,202.34	1,595.58	1,450.92	1,082.36
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,816.70	1,998.56	1,663.03	1,600.28	1,756.45
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,503.51	1,548.89	1,237.99	1,140.90	971.15
i. Kumpulan Wang Pembangunan	167.14	173.66	128.84	128.84	157.81
ii. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	6.73	40.14	45.64	5.13	24.47
iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,320.82	1,323.51	1,047.88	991.30	769.33
iv. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	8.82	11.58	15.63	15.63	19.54
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	226.34	355.92	326.90	321.90	533.28
c. Akaun Deposit	86.85	93.75	98.14	137.48	252.02
BAKI PADA 31 DISEMBER	2,907.10	3,200.90	3,258.61	3,051.20	2,838.81

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.3. WANG AWAM

4.3.1 WANG TUNAI DAN PELABURAN

4.3.1.1. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2017 berjumlah RM2.84 bilion terdiri daripada aset berbentuk wang tunai dan pelaburan masing-masing berjumlah RM725.10 juta dan RM2.11 bilion. **Jadual 4.3** menunjukkan kedudukan wang tunai dan pelaburan pada akhir tahun 2016 dan 2017. Bagi kedua-dua tahun 2016 dan 2017, komponen terbesar dalam pelaburan adalah Deposit Dalam Negeri (Simpanan Tetap melebihi tempoh tiga (3) bulan) masing-masing berjumlah RM2.12 bilion dan RM1.18 bilion. Ini adalah selaras dengan Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957 yang membolehkan Kerajaan Negeri melabur lebihan wang dalam deposit di bank dan institusi kewangan serta saham.

JADUAL 4.3
KEDUDUKAN WANG TUNAI DAN PELABURAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
WANG TUNAI				
Wang Tunai Dalam Bank	718.83	40.95	677.88	1,655.4
Wang Tunai Dalam Perjalanan	2.61	5.71	-3.10	-54.3
Wang Tunai Dalam Tangan	3.66	3.66	0.00	0.0
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER	725.10	50.32	674.78	1,341.0
PELABURAN				
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah *				
Tabung Warisan Negeri Selangor	578.90	535.49	43.41	8.1
Tabung Amanah Bencana Alam	60.71	56.34	4.37	7.8
Tabung Amanah Warisan Anak Selangor	25.69	12.65	13.04	103.1
JUMLAH	665.30	604.48	60.82	10.1
PELABURAN AM				
Saham	262.41	262.41	0.00	0.0
Deposit Dalam Negeri	1,176.00	2,124.00	-948.00	-44.6
Jaminan Bank Pertanian Malaysia	10.00	10.00	0.00	0.0
JUMLAH	1,448.41	2,396.41	-948.00	-39.6
PELABURAN PADA 31 DISEMBER	2,113.71	3,000.89	-887.17	-29.6
KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA 31 DISEMBER	2,838.81	3,051.20	-212.39	-6.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

Nota:

- * - Pelaburan lebihan dana Kumpulan Wang/Akaun Amanah selaras dengan Arahan Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Surat Ikatan Amanah (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957) serta peraturan yang berkuat kuasa

4.3.2. Berdasarkan **Jadual 4.3** di atas, analisis perbandingan kedudukan wang tunai dan pelaburan pada akhir tahun 2016 dan 2017 menunjukkan penurunan sejumlah RM212.39 juta disebabkan perkara berikut:

4.3.2.1. Deposit Dalam Negeri yang merupakan salah satu (1) komponen Pelaburan Am menunjukkan penurunan sejumlah RM948 juta (44.6%) daripada RM2.12 bilion pada tahun 2016 kepada RM1.18 bilion pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan sebanyak RM622 juta dana tersebut telah dibuat peletakan deposit untuk tempoh yang lebih pendek iaitu kurang daripada tiga (3) bulan (Deposit Pasaran Wang Jangka Pendek). Ini menyebabkan Wang Tunai Dalam Bank telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM677.88 juta (1,655.4%) daripada RM40.95 juta pada tahun 2016 kepada RM718.83 juta pada tahun 2017.

4.3.2.2. Pada tahun 2017 faedah yang diterima oleh Kerajaan Negeri hasil daripada pelaburan yang dibuat dalam pelaburan Deposit Dalam Negeri juga telah menurun sejumlah RM12.69 juta (11.6%) daripada RM109.70 juta kepada RM97.01 juta.

4.3.2.3. Selain itu Wang Tunai Dalam Perjalanan juga menunjukkan penurunan sejumlah RM3.10 juta (54.3%) daripada RM5.71 juta pada tahun 2016 kepada RM2.61 juta pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Tanah dan Galian Selangor tidak menerima kutipan pada hari terakhir penutupan akaun.

4.3.3. Urus niaga yang tidak dapat dipadankan dalam Penyata Penyesuaian Bank memberi impak kepada baki Wang Tunai Dalam Bank sama ada jumlah tersebut terlebih atau terkurang dinyatakan. Urus niaga yang tidak dapat dipadankan dalam Penyata Penyesuaian Bank bagi tempoh melebihi tiga (3) bulan hingga satu (1) tahun telah meningkat daripada RM1.40 juta pada tahun 2016 menjadi RM2.89 juta pada bulan Disember 2017. Sehingga 25 Jun 2018, sejumlah RM2.55 juta daripada RM2.89 juta tersebut telah dapat diselaraskan. Baki sejumlah RM2.38 juta merupakan urus niaga tertunggak dari bulan Januari hingga Ogos 2017. Butiran lanjut urus niaga tertangguh sehingga 25 Jun 2018 adalah seperti **Jadual 4.4**.

Mengikut maklum balas Perbendaharaan Negeri bertarikh 27 Jun 2018, baki urus niaga tertangguh berjumlah RM346,141.49 ini dalam tindakan untuk pengenalpastian dan pelarasan sewajarnya akan dibuat.

JADUAL 4.4
BAKI URUS NIAGA TERTUNGGAK SEHINGGA 25 JUN 2018

BUTIRAN	BANK	TEMPOH	BAKI (RM)
Urus Niaga Kredit Bank Tiada di Tunai	CIMB 8	Januari hingga Ogos 2017	332,788.40
	MBB 4	Januari hingga Ogos 2017	13,353.09
JUMLAH			346,141.49

Sumber: Penyata Penyesuaian Bank

4.3.4. Pada tahun 2017, pelaburan menggunakan dana Tabung Warisan Negeri Selangor, Tabung Amanah Bencana Alam dan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor meningkat sejumlah RM60.82 juta (10.1%) menjadi RM665.30 juta pada tahun 2017 berbanding RM604.48 juta tahun 2016. Pelaburan ini antaranya dibuat dalam bentuk simpanan tetap, deposit jangka pendek, unit saham amanah, mandat pengurusan dana dan saham syarikat swasta antaranya Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.

4.3.5. Analisis trend kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2013 hingga 2017 mendapati jumlah pelaburan meningkat pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 manakala pada tahun 2015 hingga 2017 jumlah pelaburan menunjukkan penurunan adalah seperti **Jadual 4.5**.

JADUAL 4.5
KEDUDUKAN PELABURAN TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	425.82	473.14	534.25	604.48	665.30
Pelaburan Am	2,145.41	2,643.41	2,489.41	2,396.41	1,448.41
BAKI PADA 31 DISEMBER	2,571.23	3,116.55	3,023.66	3,000.89	2,113.71

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

- Akaun Hasil Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan semua urusan niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan bagi satu (1) tahun kewangan.
- Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2017 dengan defisit di Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM368.56 juta berbanding defisit pada tahun 2016 berjumlah RM144.66 juta dengan peningkatan sejumlah RM223.90 juta (154.8%). Ini disebabkan kesan daripada peningkatan perbelanjaan sejumlah RM534.34 juta (20.2%) melebihi peningkatan hasil sejumlah RM310.44 juta (12.4%). Dengan mengambil kira defisit ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan tahun 2017 berkurangan menjadi RM1.08 bilion berbanding RM1.45 bilion pada tahun 2016. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.6**.

JADUAL 4.6
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1,450.92	1,595.58	-144.66	-9.1
Hasil	2,810.10	2,499.66	310.44	12.4
Perbelanjaan Mengurus*	3,178.66	2,644.32	534.34	20.2
DEFISIT	-368.56	-144.66	-223.90	-154.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,082.36	1,450.92	-368.56	-25.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

Nota: * - Termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Pembangunan Hutan Berjumlah RM1.59 bilion

- Kedudukan Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.7**. Analisis Audit menunjukkan dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan, Kerajaan Negeri telah mencatat surplus pada tahun 2014 dan 2015 tetapi defisit pada tahun 2013, 2016 dan 2017.

JADUAL 4.7
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	1,180.85	1,090.40	1,202.34	1,595.58	1,450.92
Hasil	2,149.97	2,225.08	2,527.69	2,499.66	2,810.10
Perbelanjaan Mengurus	2,240.42	2,113.14	2,134.45	2,644.32	3,178.66
SURPLUS/DEFISIT	-90.45	111.94	393.24	-144.66	-368.56
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,090.40	1,202.34	1,595.58	1,450.92	1,082.36

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.1. Hasil

4.4.1.1. Akaun Hasil Disatukan mengandungi tiga (3) kategori hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2017, kutipan hasil sebenar berjumlah RM2.81 bilion melebihi sejumlah RM260.10 juta (110.2%) berbanding anggaran hasil berjumlah RM2.55 bilion adalah seperti **Jadual 4.8**.

JADUAL 4.8
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN TAHUN 2017

JENIS HASIL	ANGGARAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PERUBAHAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
Hasil Cukai	629.32	666.38	37.06	105.9
Hasil Bukan Cukai	1,709.02	1,929.11	220.09	112.9
Terimaan Bukan Hasil	211.66	214.61	2.95	101.4
JUMLAH	2,550.00	2,810.10	260.10	110.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017


4.4.1.2. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2017 adalah berjumlah RM2.81 bilion meningkat sejumlah RM310.44 juta (12.4%) berbanding tahun 2016 berjumlah RM2.50 bilion seperti **Jadual 4.9**. Bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2013 hingga 2017, kutipan hasil telah mencatat peningkatan setiap tahun kecuali pada tahun 2016 adalah seperti **Carta 4.2**.

JADUAL 4.9
KUTIPAN HASIL TAHUN 2017 BERBANDING 2016

JENIS HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	666.38	594.68	71.70	12.1
Hasil Bukan Cukai	1,929.11	1,720.45	208.66	12.1
Terimaan Bukan Hasil	214.61	184.53	30.08	16.3
JUMLAH	2,810.10	2,499.66	310.44	12.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

CARTA 4.2
KUTIPAN HASIL TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.1.3. Lima (5) penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 adalah terdiri daripada Premium Geran Tanah, Cukai Tanah Semasa/Berulang, Penanaman Modal/Pertaruhan Tetap, Tanah dan Galian dan Pemberian Mengikut Bilangan Orang. Kelima-lima butiran hasil ini menyumbang sejumlah RM2.27 bilion daripada keseluruhan hasil berjumlah RM2.81 bilion. Kutipan Premium Geran Tanah merupakan penyumbang terbesar dengan jumlah RM1.54 bilion diikuti dengan Cukai Tanah Semasa/Berulang berjumlah RM480.74 juta. **Jadual 4.10** menunjukkan kutipan bagi lima (5) penyumbang utama hasil tahun 2017 berbanding tahun 2016.

JADUAL 4.10
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Premium Geran Tanah	1,537.44	1,316.80	220.64	16.8
Cukai Tanah Semasa/Berulang	480.74	417.74	63.00	15.1
Penanaman Modal/Pertaruhan Tetap	89.89	102.28	-12.39	-12.1
Tanah dan Galian	87.90	77.20	10.70	13.9
Pemberian Mengikut Bilangan Orang	73.75	72.95	0.80	1.1
JUMLAH	2,269.72	1,986.97	282.75	14.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.4.1.4. Kedudukan kutipan lima (5) butiran hasil tersebut bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.11** di mana kutipan meningkat setiap tahun iaitu daripada RM1.68 bilion pada tahun 2013 kepada RM2.27 bilion pada tahun 2017.

JADUAL 4.11
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI TAHUN 2013 HINGGA 2017

Butiran	2013		2014		2015		2016		2017	
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
Premium Geran Tanah	1,118.31	66.7	1,138.90	66.0	1,291.69	65.8	1,316.80	66.3	1,537.44	67.7
Cukai Tanah Semasa/Berulang	386.30	23.0	395.37	22.9	409.40	20.8	417.74	21.0	480.74	21.2
Penanaman Modal/ Pertaruhan Tetap	62.97	3.8	77.28	4.5	97.59	5.0	102.28	5.1	89.89	4.0
Tanah dan Galian	45.81	2.7	51.01	2.9	92.85	4.7	77.20	3.9	87.90	3.9
Pemberian Mengikut Bilangan Orang	63.86	3.8	64.28	3.7	72.12	3.7	72.95	3.7	73.75	3.2
JUMLAH	1,677.25	100.0	1,726.84	100.0	1,963.65	100.0	1,986.97	100.0	2,269.72	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.1.5. Analisis Audit mendapati justifikasi peningkatan hasil sejumlah RM310.44 juta (12.4%) pada tahun 2017 antaranya disebabkan oleh peningkatan lima (5) butiran hasil yang ketara. **Jadual 4.12** menunjukkan perbandingan bagi lima (5) butiran hasil berkenaan pada tahun 2016 dan 2017.

JADUAL 4.12
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
			(RM Juta)	(%)	
HASIL CUKAI					
Cukai Tanah Semasa/ Berulang (61401)	480.74	417.74	63.00	15.1	i) Kenaikan Kadar Cukai Tanah pada tahun 2017. Pengiraan semula Cukai Tanah setiap 10 Tahun berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965; ii) Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dapat menyelesaikan hak milik bermasalah (hak milik bertindih dan hak milik dibatalkan).
HASIL BUKAN CUKAI					
Premium Geran Tanah (73604)	1,537.44	1,316.80	220.64	16.8	Bayaran premium geran tanah dalam jumlah yang besar daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Fasa 2 Bukit Baja di Sepang, Gamuda Land (Kemuning) Sdn Bhd, Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Seribu Baiduri Sdn Bhd di Kuala Langat, Hikmat Asli Sdn. Bhd. dan Mobijack Sdn. Bhd. di Hulu Selangor, Bandar Serai Development di Gombak, Paragon Pinnacle Sdn. Bhd. & Worldwide Holdings Sdn. Bhd. di Kuala Selangor, Paramount Property, Glomac Alliance Sdn. Bhd. dan Eco Ardence Sdn. Bhd. di Petaling, Eco Majestic Sdn Bhd dan ASA Management Services Sdn Bhd di Hulu Langat.
Pelbagai Terimaan dari Lain Agensi Kerajaan (77901)	39.08	20.90	18.18	87.0	i) Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah menyelesaikan sepenuhnya pinjaman bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) yang berjumlah RM37.08 juta pada tahun 2017. ii) Konsortium ABASS telah membuat pembayaran pinjaman bagi Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih yang berjumlah RM2 juta.
TERIMAAN BUKAN HASIL					
Pelbagai Hasil Tahun Lalu (81101)	20.62	7.14	13.48	188.8	i) Transaksi jurnal pelarasan iaitu: Jurnal berjumlah RM4.49 juta bagi pembatalan cek luput nombor 942194 untuk dimasukkan ke Akaun Hasil oleh Seksyen Agihan dan Pembangunan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi pembayaran kepada Bandar Utama City Corporation Sdn Bhd kerana pembayaran sepatutnya telah diselesaikan pada 7 Februari

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
			(RM Juta)	(%)	
					2012. (No. Jurnal 015JA/17 bertarikh 19 April 2017); - Jurnal berjumlah RM392,000 bagi pembatalan cek luput untuk dimasukkan ke Akaun Hasil oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN berdasarkan permohonan jabatan kerana penerima bayaran cek-cek tersebut tidak dapat dikenal pasti. (No: 096JA/17 bertarikh 8 September 2017); dan - Jurnal pelarasan berjumlah RM19,977.33 bagi penerima bayaran cek-cek yang tidak dapat dikenal pasti. ii) Pelarasan bagi wang cagaran yang tidak dituntut berjumlah RM20,511.25; iii) Bayaran tunggakan Sewaan Menara Telekomunikasi tahun 2016 berjumlah RM486,500; iv) Bayaran dividen caruman KWSP bagi ganjaran kontrak kakitangan lantikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor tahun lalu berjumlah RM34,386.46; v) Pelarasan penutupan Akaun Amanah Bantuan Kes-kes Guaman Kerajaan Negeri (Kod Amanah: 60044) berjumlah RM50,320; vi) Bayaran tunggakan sewaan rumah kerajaan berjumlah RM44,545; vii) Bayaran balik emolumen tahun 2016 berjumlah RM24,219.
Pelbagai Hasil Tahun Semasa (81105)	14.87	0.82	14.05	1,713.4	i) Transaksi berjumlah RM13.90 juta bagi tujuan Pulangan Kepada Kerajaan bagi Cadangan Pembangunan Bercampur di atas Tanah Kerajaan seluas 50 ekar, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor oleh Syarikat Wadah Berkat Sdn. Bhd. pada 3 Julai 2017. (No. resit: R00001298); ii) Transaksi berjumlah RM32,428 bagi tujuan pemulangan penyaluran peruntukan secara <i>direct grant</i> pada 27 Disember 2017 daripada Universiti Selangor (Unisel) bagi Program Pelaksanaan Bengkel Pengukuhan Penggunaan <i>Microsoft Office</i> dalam kalangan guru-guru ICT (siri 1). (No. resit: R00003169); iii) Bayaran dividen caruman KWSP bagi ganjaran kontrak kakitangan lantikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2017 berjumlah RM18,183.79.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.4.1.6. Analisis Audit juga telah dijalankan terhadap lima (5) butiran hasil menunjukkan penurunan ketara pada tahun 2017. Hasil analisis adalah seperti **Jadual 4.13**.

JADUAL 4.13
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
			(RM Juta)	(%)	
HASIL CUKAI					
Tunggakan Cukai Tanah (61402)	42.09	43.56	-1.47	-3.4	Penurunan kutipan hasil tunggakan cukai tanah adalah disebabkan daripada hakmilik bermasalah, butiran adalah seperti berikut: i) Urusan pindah milik daripada pemaju kepada pihak pembeli hartanah belum dibuat. Tanah masih di atas nama pemaju dan pembeli enggan membuat bayaran cukai tanah:

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
			(RM Juta)	(%)	
					ii) Bagi unit-unit bertingkat pula, pemaju tidak membuat permohonan memecah bahagi bangunan (strata) walaupun kediaman tersebut telah siap dibina 10 tahun yang lalu; iii) Pembeli tiada keupayaan kewangan atau enggan menjelaskan duti setem serta bayaran guaman; iv) Penunggak-penunggak tegar syarikat dan individu tidak dapat dikesan; v) Syarikat/pemaju telah ditutup dan diletakkan di bawah Jabatan Insolvensi; vi) Akaun cukai tanah aktif tetapi cukai tidak dapat dikutip kerana hak milik diserahkan kepada kerajaan ketika aktiviti pembangunan sesebuah kawasan dilaksanakan misalnya, pencawang, kolam oksidasi, jalan raya, tanah lapang dan lain-lain; vii) Projek terbengkalai dan hartanah di bawah perintah perampasan tanah milik (Notis 8A) mengikut Seksyen 100 Kanun Tanah Negara dan kembali menjadi tanah kerajaan akan dilupuskan jumlah cukai tanah. Jumlah hasil yang hilang daripada nilai cukai tanah yang lupus itu hanya akan dapat dikutip apabila tanah tersebut dijadikan milik semula.
HASIL BUKAN CUKAI					
Penanaman Modal/ Pertaruhan Tetap (75490)	89.89	102.28	-12.39	-12.1	Penurunan hasil adalah kerana jumlah pelaburan yang diurus pada tahun 2017 adalah lebih rendah daripada tahun 2016 disebabkan oleh aliran tunai masuk yang agak perlahan bagi setengah tahun pertama 2017. Selain itu, kadar faedah yang ditawarkan pada tahun 2017 adalah rendah berbanding tahun 2016.
Pinjaman kepada Badan Berkanun/ Lain-Lain (75491)	0.82	4.67	-3.85	-82.4	i) Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (PASSB) telah menyelesaikan sepenuhnya faedah yang berjumlah RM1.33 juta pada tahun 2016; ii) PKNS telah mendapat penangguhan pembayaran balik faedah sehingga 19 September 2018 yang berjumlah RM3.20 juta;
Gantirugi dari Pampasan (Hutan) (76151)	14.97	27.65	-12.68	-45.9	Penurunan hasil ganti rugi pampasan hutan disebabkan oleh kurangnya ganti rugi pokok di dalam Hutan Simpanan Kekal yang melibatkan projek pembangunan.
TERIMAAN BUKAN HASIL					
Bayaran-bayaran Balik yang Lain (81199)	0.06	2.7	-2.64	-97.8	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS) telah menyelesaikan sepenuhnya baki pinjaman bagi Projek FIDLOT yang berjumlah RM2.21 juta pada tahun 2016.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

4.4.2.1. Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Maksud Tanggungan dan Maksud Bekalan. Maksud

Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan hutang negeri. Manakala Maksud Bekalan merupakan emolumen, semua kenaikan kepada peruntukan belanjawan bagi barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2017, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM3.18 bilion yang merupakan 93.8% daripada peruntukan diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor berjumlah RM3.39 bilion. Perbandingan perbelanjaan mengurus sebenar dengan peruntukan yang diluluskan adalah seperti **Jadual 4.14**.

JADUAL 4.14
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR BERBANDING ANGGARAN TAHUN 2017

MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	BELANJA (%)
Emolumen	479.33	464.96	97.0
Perkhidmatan dan Bekalan	522.71	497.59	95.2
Aset	19.89	19.52	98.1
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	2,314.25	2,148.60	92.8
Perbelanjaan Lain	53.32	47.99	90.0
JUMLAH	3,389.50	3,178.66	93.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

Nota: * - Termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Pembangunan Hutan Berjumlah RM1.59 bilion

4.4.2.2. Perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM534.34 juta (20.2%) daripada RM2.64 bilion pada tahun 2016 kepada RM3.18 bilion pada tahun 2017 adalah seperti **Jadual 4.15**.

JADUAL 4.15
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2017 BERBANDING 2016

MAKSUD PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Emolumen	464.96	401.34	63.62	15.9
Perkhidmatan dan Bekalan	497.59	490.80	6.79	1.4
Aset	19.52	24.59	-5.07	-20.6
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	2,148.60	1,650.63	497.97	30.2
Perbelanjaan Lain	47.99	76.96	-28.97	-37.6
JUMLAH	3,178.66	2,644.32	534.34	20.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.4.2.3. Antara butiran perbelanjaan yang mencatat justifikasi peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.16** dan **Jadual 4.17**.

JADUAL 4.16
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN
MENGURUS YANG KETARA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
			(RM Juta)	(%)	
Emolumen					
Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	92.70	40.47	52.23	129.1	- Jabatan Agama Islam - Pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada kakitangan iaitu pada Julai dan September 2017 dan baki BKK bagi Disember 2016. (RM40.52 juta). - Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) - Menampung permohonan peruntukan tambahan daripada jabatan-jabatan bagi bayaran di bawah Objek Sebagai 17000 (BKK).
Perkhidmatan dan Bekalan					
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	138.98	130.59	8.39	6.4	- Jabatan Pengairan dan Saliran - Pemberian Dasar Baru bagi kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan kolam takungan bagi daerah Klang, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Gombak. (RM10 juta)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap					
Pemberian dalam Negeri	2,097.98	1,589.18	508.80	32.0	- Perbendaharaan Negeri - Peningkatan sejumlah RM13.14 juta bagi bayaran Program Air Percuma 20 meter padu yang Pertama kepada Rakyat Selangor. - Bayaran secara <i>One-Off</i> bagi kenaikan siling Kumpulan Wang Pinjaman Negeri Selangor berjumlah RM110 juta. - Bayaran tambahan siling dana pusingan kepada Pendidikan Industri Yayasan Selangor berjumlah RM3 juta. - Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/ Hutan - Peningkatan Perbelanjaan Pembangunan/ Hutan pada tahun 2017 sejumlah RM146.83 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

JADUAL 4.17
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN
MENGURUS YANG KETARA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

MENURUNKAN YANG KETARA TAHUN 2017 BERBANDING 2016					
BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
			(RM Juta)	(%)	
Aset					
Kenderaan dan Jentera	10.67	12.98	-2.31	-17.8	- Jabatan Kerja Raya - Penurunan adalah disebabkan oleh peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2017 berjumlah RM1.49 juta. - Pejabat Daerah dan Tanah Klang - Perbelanjaan perolehan kenderaan pada tahun 2016 adalah secara <i>one-off</i> dan berdasarkan keperluan. Tiada keperluan bagi perolehan kenderaan pada tahun 2017.
Harta Modal yang Lain	7.28	9.14	-1.86	-20.3	- Jabatan Pengairan dan Saliran - Penurunan disebabkan permohonan anggaran bajet Jabatan bagi tahun 2017 bagi pembelian harta modal yang lain tidak diluluskan.

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
			(RM Juta)	(%)	
Perbelanjaan Lain					
Bayaran-bayaran Lain	42.62	67.81	-25.19	-37.1	• Pelbagai i) Peruntukan diluluskan bagi bayaran tuntutan ganti rugi kes mahkamah dari Syarikat Halaman Mantap Sdn. Bhd. bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM17.50 juta. Perbelanjaan bagi tuntutan ganti rugi kes mahkamah adalah berdasarkan kepada Penghakiman Persetujuan dan syor bayaran oleh YB. Penasihat Undang-undang Negeri Selangor.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016


4.4.2.4. Kedudukan perbelanjaan mengurus bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.18** dan **Carta 4.3**. Analisis Audit menunjukkan trend peningkatan setiap tahun kecuali pada tahun 2014. Perbelanjaan tahun 2017 merupakan perbelanjaan tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun.

JADUAL 4.18
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2013 HINGGA 2017

MAKSUD PERBELANJAAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Emolumen	347.35	362.20	377.16	401.34	464.96
Perkhidmatan dan Bekalan	365.41	400.82	419.84	490.80	497.59
Aset	8.56	8.77	16.53	24.59	19.52
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,510.85	1,318.64	1,308.50	1,650.63	2,148.60
Perbelanjaan Lain	8.25	22.71	12.42	76.96	47.99
JUMLAH	2,240.42	2,113.14	2,134.45	2,644.32	3,178.66

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.3
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2013 HINGGA 2017




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.2.5. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa pembayaran untuk bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Pada tahun 2017, bayaran di bawah AP 58(a) berjumlah RM4.73 juta menurun sejumlah RM15,093 (0.4%) berbanding RM4.75 juta pada tahun 2016. Penurunan ini berlaku disebabkan peruntukan bagi tahun 2017 adalah mencukupi dan bayaran/tuntutan bil dapat diproses sebelum tarikh penutupan akaun. Bayaran di bawah AP 58(a) menurun setiap tahun dari tahun 2013 hingga 2015 sebelum mencatatkan peningkatan ketara pada tahun 2016 dan menurun semula pada tahun 2017 adalah seperti **Carta 4.4**.

CARTA 4.4
BAYARAN DI BAWAH
ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a) TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

- b. Semua bayaran di bawah AP 58(a) bagi tahun 2017 telah dibuat mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Antara tujuan bayaran ini adalah untuk bayaran perkhidmatan pembersihan, perkhidmatan penyenggaraan, perkhidmatan kawalan keselamatan, sewaan komputer dan mesin pencetak, percetakan dan pengiklanan, bil petrol dan diesel, bayaran balik emolumen, elaun lebih masa dan bil utiliti. Bayaran AP 58(a) berlaku disebabkan tuntutan/bil lewat diterima.

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan bayaran yang berkaitan serta pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

4.5.2. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM52.08 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai tiga (3) Projek Bekalan Air adalah seperti **Jadual 4.19**.

JADUAL 4.19
PINJAMAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 2017 UNTUK MEMBIAYAI PROJEK BEKALAN AIR

PROJEK	JUMLAH (RM Juta)
Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3	15.74
Projek Menaik Taraf dan Meningkatkan Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Langat	26.98
Projek Menaik Taraf Rumah Pam	9.36
JUMLAH	52.08

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

4.5.3. Pada akhir tahun 2017, Akaun Pinjaman Disatukan menunjukkan baki sifar selepas RM52.08 juta dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan 5 (Akaun Pinjaman Disatukan). **Jadual 4.20** menunjukkan Akaun Pinjaman Disatukan yang berbaki sifar pada tahun 2016 dan 2017 serta urus niaga terimaan dan bayaran/pindahan yang berkaitan.

JADUAL 4.20
KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan	52.08	99.89	-47.81	-47.9
Bayaran/Pindahan	52.08	99.89	-47.81	-47.9
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

- a. Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua penerimaan dan pembayaran wang amanah mengikut kehendak Akta Amanah, Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan

1957, undang-undang dan perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957.

- b. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2017 berjumlah RM1.76 bilion berbanding RM1.60 bilion pada akhir tahun 2016 iaitu meningkat sejumlah RM156.17 juta (9.8%). Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.21**.

JADUAL 4.21
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	971.15	1,140.90	-169.75	-14.9
i. Kumpulan Wang Pembangunan	157.81	128.84	28.97	22.5
ii. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	24.47	5.13	19.34	377.0
iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	769.33	991.30	-221.97	-22.4
iv. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	19.54	15.63	3.91	25.0
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	533.28	321.90	211.38	65.7
c. Akaun Deposit	252.02	137.48	114.54	83.3
JUMLAH	1,756.45	1,600.28	156.17	9.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Negeri Selangor dan hanya boleh digunakan bagi maksud ia ditubuhkan. Pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor. Kumpulan wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan mengaikaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, pemberian Persekutuan dan pelbagai terimaan. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 4.22**.

JADUAL 4.22
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	128.85	128.85	0.00	0.0
Terimaan	1,654.05	1,357.71	296.34	21.8
Perbelanjaan	1,625.09	1,357.71	267.38	19.7
SURPLUS/DEFISIT	28.96	0.00	28.96	100.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	157.81	128.85	28.96	22.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

- b. Pada tahun 2017, kumpulan wang ini telah mencatat surplus berjumlah RM28.96 juta kerana terimaan berjumlah RM1.65 bilion melebihi perbelanjaan berjumlah RM1.63 billion. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2017 meningkat kepada RM157.81 juta berbanding RM128.85 juta pada akhir tahun 2016. Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 4.23**.

JADUAL 4.23
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

JABATAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1,093.78	824.58	269.20	32.6
Jabatan Kerja Raya	273.82	345.95	-72.13	-20.8
Jabatan Pengairan dan Saliran	123.94	75.26	48.68	64.7
Jabatan Agama Islam	105.19	84.41	20.78	24.6
Jabatan Pertanian	16.72	17.14	-0.42	2.5
Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6.80	7.26	-0.46	-6.3
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	4.09	2.98	1.11	37.2
Pejabat Perbendaharaan Negeri:				
• Projek Am	0.05	0.07	-0.02	-28.6
• Pengkomputeran	0.70	0.06	0.64	1,066.7
JUMLAH	1,625.09	1,357.71	267.38	19.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

- c. Peruntukan bagi tujuh (7) projek pembangunan berjumlah RM774,709 di dua (2) jabatan dan viremen peruntukan yang diluluskan bagi satu (1) projek pembangunan berjumlah RM100,010 di satu (1) jabatan tidak dibelanjakan. Butiran adalah seperti **Jadual 4.24** dan **Jadual 4.25**. Sementara itu, **Jadual 4.26** menyenaraikan 30 projek di lima (5) jabatan di mana justifikasi perbelanjaan adalah kurang daripada 50% berbanding peruntukan.

JADUAL 4.24
JUSTIFIKASI PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TIDAK DIBELANJAKAN

JABATAN	PERIHAL PROJEK	ANGGARAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	JUSTIFIKASI
Jabatan Kerja Raya	Membina Jalan dari Kajang ke Kampung Pasir, Sungai Lalang melalui Perkampungan Naqasabandiah.	300,000	0.00	<i>Memorandum of Agreement</i> asal bagi projek ini telah tamat tempoh. Selain itu terdapat perubahan jajaran dan kerja pembinaan harus ditunda ke tahun 2018 serta terdapat isu pengambilan tanah yang belum selesai.
	Menaik Taraf Jalan di Pekan Sri Kembangan	300,000	0.00	Projek telah siap dan semua proses pembayaran telah selesai pada akhir tahun 2016. Peruntukan sedia ada adalah lebih dari unjuran kewangan bagi bayaran Perakuan Muktamad yang telah diputuskan semasa sesi <i>Budget Vetting</i> 2017.
	Menaik Taraf Jalan Parit 4 Timur	50,000	0.00	
Jabatan Pengairan dan Saliran	Projek Tebatan Banjir di Kawasan Sungai Pinang	50,000	0.00	Lantikan perunding telah dibuat pada Disember 2017. Bayaran tidak dapat dibuat kerana dokumen tidak dikemukakan oleh pihak perunding.
	Projek Tebatan Banjir di Sungai Sepang Kecil	6,596	0.00	
	Membina Kolam Takungan Banjir di Kampung Delek (Sungai Udang)	20,100	0.00	Skop projek ini telah dilaksanakan melalui projek menaik taraf saliran Jalan Yadi dan projek ini dicadangkan untuk digugurkan.
	Melebar dan Mendalamkan Kuala Sungai Sepang Kecil	48,013	0.00	Projek telah siap. Perakuan Muktamad kontrak telah dibuat pada Oktober 2017 dan peruntukan tidak diperlukan lagi.
JUMLAH		774,709	0.00	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

JADUAL 4.25
VIREMEN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN YANG DILULUSKAN TIDAK DIBELANJAKAN

PERIHAL PROJEK	VIREMEN (RM)	ANGGARAN SELEPAS VIREMEN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	SEBAB
JABATAN KERJA RAYA					
Menaik Taraf Jalan Negeri B148 Jalan Telok Gong dari Persimpangan Glenmarie Cove Sehingga ke Persimpangan Jalan Ikan Tenggiri, Daerah Klang, Selangor	100,000	100,010	0.00	0.00	Peruntukan Viremen tidak dapat dibelanjakan kerana proses lantikan perunding secara tender mengambil masa lebih kurang lima (5) bulan daripada permohonan peruntukan sehingga Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada perunding yang dilantik pada 30 Oktober 2017.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

JADUAL 4.26
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
KURANG DARIPADA 50% BERBANDING PERUNTUKAN

JABATAN	PERIHAL PROJEK	ANGGARAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
Perbendaharaan Negeri	Pelbagai Projek	1,998,377.33	704,920.62	35.3	Projek Am (02001) merupakan <i>contingency fund</i> bagi permintaan luar jangka yang diterima daripada jabatan untuk projek pembangunan. Pada tahun 2017, perbelanjaan peruntukan ini dibuat bagi kerja menaik taraf ruang pejabat tingkat 2,8,10 dan kerja penggantian penghawa dingin di tingkat sembilan (9) dan 11 Perbendaharaan Selangor.
Jabatan Kerja Raya	Pengambilan Balik Tanah	14,200,000	6,683,328.03	47.1	Penjimatan daripada kos asal dalam proses pengambilan tanah kerana pembatalan pengambilan bagi 23 lot tanah.
	Membina Jambatan ke tiga (3) Klang	87,650,000	31,588,530.19	36.0	Proses <i>Hearing</i> tidak diteruskan merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 30.11.2017 memutuskan agar projek Jambatan ke tiga (3) Klang Fasa 2 dimajukan kepada Kementerian Kerja Raya.
	Menggantikan Jambatan Lama di Kampung Rantau Panjang, Bestari Jaya	10,500,000	4,003,382.69	38.1	Lebih sebanyak RM6.49 juta adalah penjimatan perbelanjaan bagi bayaran pengambilan balik tanah.
	Membina Jalan Sambungan Kota Warisan/B20	15,600,000	99,442	0.6	Kelewatan mendapatkan persetujuan pemaju bagi pengesahan pengambilan tanah serta kelewatan kontraktor mengemukakan dokumen lengkap bagi pembayaran wang pendahuluan.
	Menaik Taraf Laluan B58 Jalan Banting- Raba	385,000	100,000	25.9	Projek telah siap, tetapi hanya sejumlah RM100,000 telah dibelanjakan daripada RM385,000 yang dianggarkan bagi Perakuan Muktamad.
	Menaik Taraf Laluan B17 Jalan Reko - Pakej 2	2,000,000	497,408.56	24.9	Perancangan untuk tender dan kerja pembinaan ditunda kepada tahun 2018 berikutan isu pengambilan tanah yang belum selesai.
	Menaik Taraf Jalan Melati, Kuang Mukim Rawang	5,000,000	2,226,772.89	44.5	Proses <i>Hearing</i> bagi urusan pengambilan tanah berlangsung pada Disember 2017 menyebabkan

JABATAN	PERIHAL PROJEK	ANGGARAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
					perbelanjaan interim kepada kontraktor dan bayaran pengambilan tanah tidak dapat dilakukan.
	Menaik Taraf Jalan-jalan di Daerah Gombak	1,150,000	478,687.98	41.6	Pihak JKR Gombak tidak mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk membuat Sebut Harga.
Jabatan Agama Islam	SRA Denai Alam	2,100,000	14,145.59	0.7	Wang Pendahuluan Kontraktor telah dibayar tetapi proses kelulusan jaminan bon dengan bank tidak dapat diselesaikan dalam tahun semasa.
	SRA Bandar Country Homes	2,550,000	149,982.98	5.9	
	Maahad Integrasi Tahfidz Sains dan Teknologi Istana Bandar (Bangunan dan Asrama Sokongan)	6,650,000	712,819.34	10.7	
	Maahad Integrasi Tahfidz Sains dan Teknologi Kampung Pandan	5,750,000	1,217,831.43	21.2	
	SRA Kebun Bharu	500,000	122,126.54	24.4	Nilai sebenar Perakuan Muktamad setelah pelarasan harga kontrak kurang berbanding anggaran yang telah dibuat.
	Kompleks Islam Kuala Selangor	180,000	27,432	15.2	
	Masjid Taman TAR (Naik Taraf)	200,000	60,636.83	30.3	Kelewatan dalam mendapatkan kelulusan kebenaran merancang oleh pihak kontraktor kerana kemajuan kerja di tapak yang perlahan.
	Masjid Ar-Rahman (RTB)	500,000	243,534.62	48.7	Perunding tidak membuat tuntutan.
	Masjid As Solihin, Sungai Burong	200,000	66,146.52	33.1	
	Kerja-kerja Awalan dan Dokumentasi	224,000	91,777.51	41.0	Bayaran ini merupakan bayaran kerja awalan dan dokumentasi yang menggunakan kod projek sendiri.
Jabatan Pengairan dan Saliran	Projek Tebatan Banjir di Sungai Kedondong	500,000	19,000	3.8	Kerja pembinaan tidak dapat dibuat kerana kerja perobohan 95 buah rumah setinggan dan struktur binaan masih belum dilakukan oleh Pejabat Daerah Petaling.
	Projek Tebatan Banjir di Sungai Chincang, Mukim Labu	150,000	58,594.68	39.1	Lantikan perunding telah dibuat pada bulan Disember 2017. Bayaran perunding tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya.
	Projek Tebatan Banjir di Sungai Jijan, Mukim Labu	150,000	59,386.50	39.6	
	Projek Tebatan Banjir di Sungai Jenderam, Mukim Dengkil	419,000	34,216.80	8.2	
	Projek Tebatan Banjir di Sungai Parit Tampoi, Mukim Dengkil	104,000	34,216.80	32.9	

JABATAN	PERIHAL PROJEK	ANGGARAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
	Projek Tebatan Banjir di Sungai Bernam, Mukim Hulu Bernam	270,000	72,504	26.9	
	Kerja Menaik Taraf Parit Utama dan Sistem Parit Dalam dan serta Kerja Berkaitan di Bukit Lanchong dan Kampung Sg. Baru, Puchong,	1,500,000	21,888.01	1.5	Keputusan Lembaga Tender untuk mengkaji semula skop projek memandangkan kontraktor menawarkan harga lebih tinggi daripada siling projek. Projek akan ditender semula pada Mei 2018.
	Kerja Menaik Taraf Parit Utama dan Sistem Parit Dalam dan serta Kerja Berkaitan di Kampung Seri Aman, Puchong	1,562,800	14,051	0.9	
	Menaik Taraf Saliran di Sungai Batu dan Kawasan Sekitar, Mukim Batu	221,000	34,216.80	15.5	
	Membina Kolam Takungan Banjir dan Kerja Yang Berkaitan di Kampung Tok Aminuddin Mukim Dengkil Daerah Sepang	792,000	239,226.28	30.2	Kerja pembinaan di tapak tidak dapat diteruskan kerana terdapat isu utiliti yang melibatkan perubahan reka bentuk.
Jabatan Pertanian	Kemudahan Penyimpanan	100,000	35,800	35.8	Pada tahun 2017 terdapat tujuh (7) projek sahaja yang memerlukan <i>chiller</i> bagi kemudahan penyimpanan cendawan dengan kos RM5,000 bagi satu (1) unit <i>chiller</i> .

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

4.6.1.2. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

- Kumpulan wang ini diwujudkan bertujuan memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada penjawat awam Negeri, Anggota Pentadbiran Negeri dan Ahli Dewan Negeri Selangor serta Badan Berkanun Negeri (Lembaga Urus Air Selangor dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sahaja) untuk membeli hartanah berupa tanah dan/atau rumah. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Akaun Hasil Disatukan dan bayaran balik pinjaman perumahan. Unit Pinjaman, Perbendaharaan Negeri Selangor bertanggungjawab meluluskan pinjaman dan menyelenggara rekod perakaunan berkaitan pengeluaran dan bayaran balik pinjaman perumahan.
- Baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan meningkat sejumlah RM19.34 juta (377%) daripada RM5.13 juta pada akhir tahun 2016 kepada RM24.47 juta pada akhir tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan oleh jurnal

pelarasan daripada Akaun Penyelesaian Bendahari Negeri yang berjumlah RM20 juta. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada akhir tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 4.27**.

JADUAL 4.27
KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	5.13	45.64	-40.51	-88.8
Tambahan Caruman Pinjaman	20.00	-	20.00	100.0
Bayaran Balik Pinjaman	152.18	35.80	116.38	325.1
Pinjaman Diberi	152.84	76.31	76.53	100.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	24.47	5.13	19.34	377.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.6.1.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Berdasarkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2017, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 4.28**.

JADUAL 4.28
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN
WANG AMANAH KERAJAAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Penyelesaian	-168.43	-154.23	-14.20	-9.2
Akaun Perniagaan	1.41	2.11	-0.70	-33.2
Akaun Pinjaman	116.11	144.31	-28.20	-19.5
Kumpulan Wang Luar Jangka	8.10	8.10	0.00	0.0
Pelbagai Kumpulan Wang (Termasuk Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri dan Akaun Kena Bayar)	812.14	991.00	-178.86	-18.0
JUMLAH	769.33	991.29	-221.96	-22.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

- b. Pada akhir tahun 2017, jumlah baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan menurun sejumlah RM221.96 juta (22.4%) kepada RM769.33 juta berbanding RM991.29 juta pada tahun 2016. Penyumbang utama kepada penurunan ini ialah penurunan baki Pelbagai Kumpulan Wang sejumlah RM178.86 juta. Penurunan ketara ini disebabkan oleh pengurangan baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri sejumlah RM233.35 juta pada tahun 2017 berbanding RM370.65 juta pada tahun 2016. Sementara itu, baki Akaun Penyelesaian yang berbaki debit telah meningkat sejumlah RM14.20 juta antaranya disumbangkan oleh Pelarasan

Akaun Kumpulan Bekalan Air sejumlah RM12.27 juta setiap tahun dan pengurangan baki Akaun Penyelesaian Bendahari Negeri yang berbaki kredit sejumlah RM21.21 juta. Analisis Audit selanjutnya terhadap Akaun Penyelesaian dan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah seperti berikut:

i. Akaun Penyelesaian

Arahan Perbendaharaan 153 menetapkan semua urusan yang termasuk di bawah Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan secepat mungkin melalui Akaun Penyelesaian yang diwujudkan. Pada akhir tahun 2017, enam (6) Akaun Penyelesaian tidak berbaki sifar. Akaun yang berkaitan dan penerangan adalah seperti **Jadual 4.29**.

JADUAL 4.29
AKAUN PENYELESAIAN TIDAK BERBAKI SIFAR PADA AKHIR TAHUN 2017

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		CATATAN
			(RM Juta)	(%)	
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	2.50	2.50	0.00	0.0	Akaun ini tidak boleh disifarkan kerana merupakan Akaun Peruntukan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga, Akta Tatacara Kewangan 1957.
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	2.30	2.30	0.00	0.0	Akaun ini tidak boleh disifarkan kerana merupakan Akaun Peruntukan kepada Akaun Urusniaga bagi 103 akaun di bawah Akaun Penyelesaian.
Pelarasan Akaun Kumpulan Bekalan Air	-196.40	-208.67	12.27	5.9	Pelarasan berperingkat sejumlah RM12.27 juta setiap tahun telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri untuk dilaksanakan selama 20 tahun mulai tahun 2014 sehingga 2033. Akaun ini telah dilaraskan dengan RM12.27 juta bagi tahun 2017 di bawah Maksud Perbelanjaan Tanggungan T04 (Pelbagai di bawah Kod Belanja 42999 - Pemberian dan Bantuan Lain).
Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	9.01	11.92	-2.91	-24.4	Penurunan disebabkan perkara berikut: i) Penekanan penggunaan kaedah bayaran secara EFT berbanding cek mengurangkan bilangan cek yang dikeluarkan seterusnya mengurangkan bilangan cek batal/luput dalam Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. ii) Mengeluarkan notis peringatan kepada jabatan secara bulanan untuk mengambil tindakan penggantian cek batal/luput dengan segera. iii) Penggantian empat (4) keping cek luput kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor berjumlah RM1.33 juta pada 10 November 2017. iv) Pelarasan berjumlah RM780,916.57 ke Akaun Hasil Disatukan bagi cek-cek terbatal melebihi enam (6) tahun berdasarkan keperluan AP 118(c) bagi tahun 2017.
Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT	0.82	3.19	-2.37	-74.3	Penurunan disebabkan perkara berikut: i) Usaha efektif dengan memaklumkan segera kepada jabatan terlibat untuk membuat penggantian EFT. ii) Membuat perbincangan dan memberi penekanan terhadap usaha penggantian

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		CATATAN
			(RM Juta)	(%)	
					semula EFT terbatal pada 16.8.2017 dengan Jabatan Agama Islam Selangor yang mempunyai bilangan penggantian EFT yang tertinggi.
Akaun Penyelesaian Bendahari Negeri	13.33	34.54	-21.21	-61.4	Penurunan disebabkan perkara berikut: i) Jurnal kenaikan siling Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri Selangor sejumlah RM20 juta melalui kaedah permodalan semula baki kredit yang belum diselaraskan daripada Akaun Urusniaga Pinjaman Perumahan (53001) dan Pinjaman Perumahan Pencen (53007) tanpa melibatkan peruntukan tambahan. ii) Pelarasan jurnal RM1.21 juta bagi menyelaraskan senarai baki individu dan jumlah faedah yang perlu diambil kira untuk tahun 2017.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

ii. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri diwujudkan untuk mengakaun pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyenggaraan jalan negeri sepanjang 19,454.20 kilometer (km) yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pegawai Pengawal bagi akaun amanah ini ialah Pegawai Kewangan Negeri.
- b. Panjang jalan negeri di Negeri Selangor menunjukkan penurunan sejumlah 1,967.77 km dari 21,421.97 km pada tahun 2016 kepada 19,454.20 km pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan oleh perkara berikut:
 - i. Program Audit MARRIS *Online* yang dijalankan oleh Pihak JKR dan JKR Daerah bagi memastikan data jalan yang didaftarkan di sistem MARRIS oleh Agensi mematuhi Garis Panduan MARRIS yang ditetapkan seperti panjang jalan, lebar dan koordinat jalan.
 - ii. Pemutihan data jalan di sistem MARRIS oleh JKR bagi memastikan tiada data lama dan pertindihan data berlaku antara Agensi. Pemutihan data dilaksanakan pada bulan Ogos hingga bulan Oktober setiap tahun. Selain itu, data jalan yang diserahkan kepada pemaju juga dihapuskan di dalam sistem MARRIS oleh PBT.

- c. Pada tahun 2017, jumlah terimaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah sebanyak RM511.93 juta merupakan pemberian jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM511.81 juta dan pelarasan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Klang berjumlah RM0.12 juta. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri menurun sejumlah RM233.35 juta (63%) daripada RM370.65 juta pada tahun 2016 kepada RM137.30 juta pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan perbelanjaan pada tahun 2017 melebihi terimaan berjumlah RM233.35 juta. Butiran adalah seperti **Jadual 4.30**.
- d. Terimaan wang amanah pada tahun 2017 berjumlah RM511.93 juta meningkat sejumlah RM15.03 juta (3%) berbanding RM496.90 juta pada tahun 2016. Peningkatan terimaan disebabkan Pencerapan Data Jalan Kampung dilaksanakan bagi memastikan data kesemua jalan kampung di bawah PDT didaftarkan dalam sistem MARRIS *Online*.

JADUAL 4.30
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYENGGAARAAN JALAN NEGERI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	370.65	526.85	-156.20	-29.6
Terimaan	511.93	496.90	15.03	3.0
Bayaran	745.28	653.10	92.18	14.1
BAKI PADA 31 DISEMBER	137.30	370.65	-233.35	-63.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

- e. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri pada akhir tahun 2013 hingga 2017 dan peratus penggunaan (perbelanjaan berbanding terimaan) adalah seperti **Jadual 4.31**. Pada tahun 2017, prestasi perbelanjaan adalah 145.6% berbanding 131.4% pada tahun 2016.

JADUAL 4.31
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYENGGAARAAN JALAN NEGERI TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENGUNAAN (%)
2013	631.27	499.40	308.58	822.09	61.8
2014	822.09	523.75	541.90	803.94	103.5
2015	803.94	470.58	747.67	526.85	158.9
2016	526.85	496.90	653.10	370.65	131.4
2017	370.65	511.93	745.28	137.30	145.6

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

4.6.2.1. Kumpulan Wang Amanah Awam mengaakun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada Kerajaan Negeri, badan lain dan orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Pada akhir tahun 2017, Kerajaan Negeri mempunyai 54 akaun amanah awam yang berbaki RM533.28 juta. Baki ini meningkat sejumlah RM211.38 juta (65.7%) berbanding RM321.90 juta pada tahun 2016. Butiran seperti **Jadual 4.32**. Penyumbang utama kepada peningkatan baki ini adalah disebabkan peningkatan penyaluran peruntukan Akaun Amanah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang ketara berjumlah RM112.56 juta dan Akaun Amanah Tabung Infrastruktur Sosial berjumlah RM58.36 juta.

JADUAL 4.32
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	321.90	326.90	-5.00	-1.5
Terimaan	541.09	389.37	151.72	39.0
Bayaran	329.71	394.37	-64.66	-16.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	533.28	321.90	211.38	65.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.6.2.2. Pada tahun 2017, sebanyak dua (2) akaun amanah awam baru telah ditubuhkan dengan peruntukan RM10 juta bagi Akaun Amanah Bioteknologi. Manakala bagi Akaun Amanah Pusat Latihan Awam (PLAS/PULAPES), peruntukan masih belum diterima sehingga akhir tahun 2017. Butiran lanjut mengenai dua (2) Akaun Amanah Awam baru adalah seperti **Jadual 4.33**.

JADUAL 4.33
AKAUN AMANAH AWAM BARU YANG DITUBUHKAN PADA TAHUN 2017

AKAUN AMANAH	TUJUAN PENUBUHAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
Bioteknologi	Akaun ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membiayai penyediaan kajian, program dan projek bioteknologi serta perbelanjaan lain yang diputuskan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Bioteknologi	10.00	10.00
Pusat Latihan Awam (PLAS/PULAPES)	Akaun ini ditubuhkan bertujuan untuk memperakaunkan terimaan dan bayaran bagi membantu membiayai pengurusan Pusat Latihan Awam (PLAS/PULAPES)	0.00	0.00
JUMLAH		10.00	10.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

4.6.2.3. 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) – Pengurusan Wang Awam (WP) 10.4 menetapkan akaun amanah awam yang telah mencapai maksud penubuhannya, tidak diperlukan lagi, tidak lagi aktif untuk tempoh setahun

hendaklah ditutup. Pada tahun 2017, lima (5) akaun amanah awam telah ditutup kerana tidak diperlukan lagi.

4.6.3. Akaun Deposit

4.6.3.1. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian dan dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Deposit Pelarasan pula adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu. Pada akhir tahun 2017, Kerajaan Negeri mempunyai 21 Akaun Deposit berbaki RM252.02 juta yang diselenggarakan oleh 21 jabatan. Kedudukan Akaun Deposit pada tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 4.34**.

JADUAL 4.34
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Deposit Am	252.00	137.45	114.55	83.3
Deposit Pelarasan	0.02	0.03	-0.01	-33.3
JUMLAH	252.02	137.48	114.54	83.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.6.3.2. Analisis Audit menunjukkan baki deposit telah meningkat sejumlah RM114.54 juta kepada RM252.02 juta pada tahun 2017 berbanding RM137.48 juta pada tahun 2016. Penyumbang utama kepada peningkatan ini adalah peningkatan baki Akaun Deposit Lelong Pejabat Daerah dan Tanah Sepang serta Pejabat Daerah dan Tanah Petaling masing-masing sejumlah RM22.86 juta dan RM41.68 juta disebabkan oleh penerima beberapa deposit lelong.

4.6.3.3. Deposit yang dikutip dan telah mencapai tujuannya tetapi tidak dituntut oleh pendeposit selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit dan hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang telah diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga (3) bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Sehingga 31 Disember 2017, Jabatan Kerja Raya masih belumewartakan dua (2) Akaun Deposit yang tidak dituntut oleh 198 pendeposit dari tahun 2005 hingga 2015 yang melibatkan baki deposit berjumlah RM3.29 juta adalah seperti **Jadual 4.35**.


JADUAL 4.35
DEPOSIT DITERIMA PADA TAHUN 2005 HINGGA 2015
YANG TIDAK DIPERLUKAN BELUM DITUNTUT DAN DIWARTAKAN

JABATAN DIPERTANGGUNG	JABATAN PEMBAYAR	AKAUN DEPOSIT	TAHUN TIDAK DITUNTUT	BILANGAN PENDEPOSIT (Individu/ Syarikat)	JUMLAH (RM)
Jabatan Agama Islam Selangor	Jabatan Kerja Raya	Bayaran Denda	2006	1	31,031.00
		Wang Jaminan Pelaksanaan	2005-2015	190	3,245,004.95
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor	Jabatan Kerja Raya	Wang Jaminan Pelaksanaan	2007-2009	7	16,352.95
JUMLAH				198	3,292,388.90

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

4.6.3.4. Kedudukan Akaun Deposit bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti di **Carta 4.5**. Baki Akaun Deposit meningkat setiap tahun. Peningkatan Baki Akaun Deposit pada tahun 2017 merupakan peningkatan yang paling ketara dalam tempoh lima (5) tahun.

CARTA 4.5
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kekurangan dana di mana jumlah hasil dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya dalam sesuatu tahun kewangan. Bagi tahun 2017, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM2.81 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Dana ini digunakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM3.22 bilion. Pada akhir tahun 2017, Kerajaan Negeri mencatat defisit dana berjumlah RM407.64 juta berbanding defisit dana berjumlah RM264.02 juta pada akhir tahun 2016. Peningkatan defisit

sebanyak RM143.62 juta (54.4%) ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan sejumlah RM454.06 juta. Kedudukan prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 4.36**.

JADUAL 4.36
PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
JUMLAH HASIL	2,810.10	2,499.66		
(-) Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	1,585.99	1,399.21	186.78	13.3
(-) Belanja Pembangunan	1,631.75	1,364.47	267.28	19.6
JUMLAH PERBELANJAAN	3,217.74	2,763.68	454.06	16.4
DEFISIT	-407.64	-264.02	-143.62	-54.4
Dibiayai Oleh:				
Pinjaman Dan Bantuan Luar Negeri	52.08	99.90	-47.82	-47.9
Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan	19.87	19.46	0.41	2.1
Perubahan Tunai, Pelaburan Dan Amanah	335.69	144.66	191.03	132.1
JUMLAH PEMBIAYAAN	407.64	264.02	143.62	54.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala Liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Lain. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2017 adalah berjumlah RM1.19 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM149.48 juta (14.4%) berbanding RM1.04 bilion pada tahun 2016. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 4.37**.

JADUAL 4.37
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2017 BERBANDING 2016

KATEGORI PEMINJAM	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Badan Berkanun Negeri	88.00	122.63	-34.63	-28.2
Pihak Berkuasa Tempatan	81.68	83.57	-1.89	-2.3
Badan-badan Lain	1,017.92	831.92	186.00	22.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,187.60	1,038.12	149.48	14.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.8.1.2. Peningkatan ketara baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM149.48 juta pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah disebabkan jumlah penyaluran pembiayaan pinjaman berjumlah RM201.46 juta serta jumlah faedah yang dikenakan berjumlah RM10.18 juta adalah lebih tinggi berbanding jumlah penerimaan bayaran balik dan/atau pelupusan bayaran pokok/faedah berjumlah RM62.16 juta. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2017 adalah seperti **Jadual 4.38**. Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. merupakan peminjam yang menerima penyaluran pembiayaan tertinggi pada tahun 2017 iaitu sejumlah RM55 juta. Manakala Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah menyelesaikan keseluruhan tunggakan dan baki pinjaman berjumlah RM41.36 juta melalui pembayaran balik dan kelulusan pelupusan faedah dengan lebih awal berbanding tahun terakhir yang ditetapkan iaitu pada tahun 2028.

JADUAL 4.38
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2017

AGENSI PEMINJAM	BAKI PINJAMAN 1.1.2017 (RM Juta)	PENYALURAN PINJAMAN BARU/LAMA (RM Juta)	FAEDAH YANG DIKENAKAN DALAM TAHUN 2017 (RM Juta)	BAYARAN BALIK DAN/ATAU PELUPUSAN BAYARAN POKOK/FAEDAH (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2017 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri					
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	88.00	0.00	0.00	0.00	88.00
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	34.63	0.00	6.73	41.36	0.00
JUMLAH	122.63	0.00	6.73	41.36	88.00
Pihak Berkuasa Tempatan					
Majlis Daerah Kuala Selangor	13.85	0.00	0.00	0.00	13.85
Majlis Perbandaran Selangor	7.48	0.00	0.00	2.98	4.50
Majlis Daerah Sabak Bernam	8.51	0.63	0.00	0.18	8.96
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	25.16	0.69	0.61	2.13	24.33
Majlis Perbandaran Subang Jaya	18.82	4.37	0.64	0.00	23.83
Majlis Perbandaran Kajang	6.85	1.41	0.07	3.79	4.54
Majlis Bandaraya Shah Alam	2.90	0.00	0.14	1.37	1.67
JUMLAH	83.57	7.10	1.46	10.45	81.68
Badan-Badan Lain					
Kumpulan Darul Ehsan Berhad	658.07	0.00	0.00	0.70	657.37
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	58.10	40.76	1.99	0.00	100.85
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	33.22	55.00	0.00	0.00	88.22
Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	28.00	0.00	0.00	2.00	26.00
Yayasan Selangor	24.81	0.00	0.00	3.00	21.81
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	14.34	0.00	0.00	0.00	14.34
Amanah Saham Selangor	4.00	0.00	0.00	4.00	0.00
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	5.91	5.30	0.00	0.53	10.68
Kolej Antarabangsa INPENS	1.21	2.97	0.00	0.00	4.18

AGENS PEMINJAM	BAKI PINJAMAN 1.1.2017 (RM Juta)	PENYALURAN PINJAMAN BARU/LAMA (RM Juta)	FAEDAH YANG DIKENAKAN DALAM TAHUN 2017 (RM Juta)	BAYARAN BALIK DAN/ATAU PELUPUSAN BAYARAN POKOK/FAEDAH (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2017 (RM Juta)
Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd.	0.33	0.00	0.00	0.12	0.21
KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	3.93	32.63	0.00	0.00	36.56
Yayasan Hijrah Selangor	0.00	50.00	0.00	0.00	50.00
Landasan Lumayan Sdn. Bhd.	0.00	7.70	0.00	0.00	7.70
JUMLAH	831.92	194.36	1.99	10.35	1,017.92
JUMLAH KESELURUHAN	1,038.12	201.46	10.18	62.16	1,187.60

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

4.8.1.3. Analisis Audit terhadap Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2017 seperti **Jadual 4.38** mendapati perkara berikut:

- Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM191.09 juta (43.5%) untuk tujuh (7) pinjaman baru daripada RM439.33 juta jumlah keseluruhan pembiayaan yang diluluskan. Antara tujuan pembiayaan pinjaman tersebut adalah untuk kerja penggantian paip air lama, pembinaan, pembaikan dan penyenggaraan bangunan serta infrastruktur, menaik taraf sistem maklumat dan penambahan dana Program Hijrah Selangor. Bagaimanapun, perjanjian bagi dua (2) pinjaman masih belum disempurnakan walaupun pembiayaan berjumlah RM8.33 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri. Pinjaman tersebut adalah kepada Landasan Lumayan Sdn. Bhd. bagi pembiayaan Program Pemulihan dan Pembangunan Sungai Klang melalui *River Management Company* serta Majlis Daerah Sabak Bernam bagi Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kali Kedua Tahun 2017.
- Sejumlah RM50.88 juta (81.9%) daripada RM62.16 juta bayaran balik dan/atau pelupusan bayaran pokok atau faedah merupakan bayaran balik pinjaman manakala sejumlah RM11.28 juta (18.1%) adalah pelupusan bayaran pokok atau faedah yang melibatkan pelupusan berjumlah RM7 juta berdasarkan kelulusan yang dibuat pada tahun sebelumnya dan sejumlah RM4.28 juta pada tahun semasa. Kesemua amaun pelupusan yang diluluskan pada tahun semasa adalah ke atas pinjaman LPHS susulan kepada penyelesaian awal keseluruhan baki pinjaman yang telah dibuat.
- Bagi tempoh 2013 hingga 2017, Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYS) merupakan peminjam yang mencatatkan peningkatan baki pinjaman bagi tempoh lima (5) tahun. Sehingga tahun 2017, baki pinjaman sedia ada dan faedah tahun semasa masing-masing adalah berjumlah RM58.10 juta dan RM1.99 juta. Peningkatan baki pinjaman dan faedah tersebut adalah

disebabkan PIYS tidak membuat bayaran balik pinjaman dan faedah semenjak tahun 2013 dan 2014 kerana kekangan kewangan. Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke 9/2016 yang diadakan pada 9 Mac 2016 telah meluluskan pinjaman berjumlah RM44 juta dan sejumlah RM40.76 juta telah disalurkan pada tahun 2017. Ini menjadikan baki pinjaman PIYS telah meningkat kepada RM100.85 juta.


4.8.1.4. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.39** dan **Carta 4.6**.

JADUAL 4.39
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2013 HINGGA 2017

AGENS PEMINJAM	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI					
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	40.00	120.00	104.00	88.00	88.00
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	108.48	60.79	50.44	34.63	0.00
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	23.93	5.71	2.20	0.00	0.00
JUMLAH	172.41	186.50	156.64	122.63	88.00
PIHAK BERKUASA TEMPATAN					
Majlis Daerah Kuala Selangor	15.10	14.34	14.54	13.85	13.85
Majlis Perbandaran Selayang	15.30	12.90	10.42	7.48	4.50
Majlis Daerah Sabak Bernam	9.47	9.53	9.59	8.51	8.96
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2.17	2.88	7.91	25.16	24.33
Majlis Perbandaran Subang Jaya	0.00	1.80	7.23	18.82	23.83
Majlis Perbandaran Kajang	9.37	9.10	6.58	6.85	4.54
Majlis Bandaraya Shah Alam	6.60	6.74	4.14	2.90	1.67
JUMLAH	58.01	57.29	60.41	83.57	81.68
BADAN-BADAN LAIN					
Kumpulan Darul Ehsan Berhad	665.17	659.47	658.77	658.07	657.37
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	52.14	54.13	56.11	58.10	100.85
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	0.00	0.00	33.22	33.22	88.22
Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	3.27	26.82	30.00	28.00	26.00
Yayasan Selangor	31.81	32.31	27.98	24.81	21.81
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	14.57	14.34	14.34	14.34	14.34
Amanah Saham Selangor	16.00	12.00	8.00	4.00	0.00
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	2.17	1.80	1.43	5.91	10.68
Kolej Antarabangsa INPENS	17.00	17.00	0.77	1.21	4.18
Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.45	0.33	0.21
KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	3.93	36.56
Yayasan Hijrah Selangor	0.00	0.00	0.00	0.00	50.00
Landasan Lumayan Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	7.70
JUMLAH	802.13	817.87	831.07	831.92	1,017.92
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,032.55	1,061.66	1,048.12	1,038.12	1,187.60

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.6
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.1.5. Perbandingan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut antara tahun 2016 dengan 2017 seperti **Jadual 4.40** menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.74 juta (3.6%) kesan daripada amaun tunggakan yang lebih tinggi berbanding amaun bayaran balik pinjaman. Tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Badan Berkanun Negeri mencatatkan penurunan 100% kerana LPHS telah menyelesaikan keseluruhan tunggakan. Manakala faktor utama peningkatan tunggakan Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Lain adalah disebabkan penambahan tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun semasa serta pelupusan bayaran balik pokok secara berperingkat yang diluluskan pada tahun 2016 hanya akan mula dilaksanakan pada tahun 2018.

JADUAL 4.40
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2017 BERBANDING 2016

AGENSI PEMINJAM	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Badan Berkanun Negeri	0.00	10.36	-10.36	-100.0
Pihak Berkuasa Tempatan	17.16	10.12	7.04	69.6
Badan-badan Lain	60.74	54.68	6.06	11.1
JUMLAH	77.90	75.16	2.74	3.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.8.1.6. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Lain kepada Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.41**.

JADUAL 4.41
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2013 HINGGA 2017

AGENS PEMINJAM	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri	62.57	22.04	18.90	10.36	0.00
Pihak Berkuasa Tempatan	2.26	7.28	10.82	10.12	17.16
Badan-badan Lain	28.94	55.82	48.59	54.68	60.74
JUMLAH	93.77	85.14	78.31	75.16	77.90

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.2. Pelaburan

4.8.2.1. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam syarikat melalui Pejabat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] ditunjukkan dalam Penyata Memorandum Pelaburan. Pelaburan ini dibuat sama ada menggunakan peruntukan mengurus atau pembangunan. Kedudukan pelaburan mengikut nilai buku pada 31 Disember 2017 dalam sembilan (9) syarikat adalah berjumlah RM191.10 juta. Jumlah pelaburan ini tidak berubah bagi tiga (3) tahun berturut-turut sejak dari tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.42** manakala **Jadual 4.43** menunjukkan dividen terkumpul berjumlah RM26,518 yang diterima pada tahun 2013 hingga 2017.

JADUAL 4.42
KEDUDUKAN PELABURAN MELALUI
PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR (Pemerbadanan) TAHUN 2013 HINGGA 2017

SYARIKAT	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	104.06	104.06	104.06	104.06	104.06
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYS)	0.64	0.64	60.64	60.64	60.64
Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00
Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM)	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
Invest Selangor Berhad (ISB)	0.60	0.60	0.60	0.60	0.60
Perbadanan Nasional Berhad (PNB)	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
Tourism Selangor Sdn. Bhd.	0.30	0.30	0.30	0.30	0.30
Rangkaian Mesra Sdn. Bhd.*	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.* (KSSB)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH	131.10	131.10	191.10	191.10	191.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

Nota: * - Saham Bernilai RM2 Mulai Tahun 2008

JADUAL 4.43
DIVIDEN DITERIMA TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	JUMLAH PELABURAN (RM Juta)	DIVIDEN DITERIMA		SYARIKAT YANG MEMBAYAR
		JUMLAH (RM)	TAHUN KEWANGAN	
2013	131.10	0	-	-
2014	131.10	11,946	2012 - 2014	PNB
2015	191.10	0	-	-
2016	191.10	14,572	2009, 2013, 2014	PNB
2017	191.10	0	-	-
JUMLAH		26,518		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.2.2. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri tidak menerima pembayaran dividen daripada anak syarikat MBI. Bagaimanapun, MBI dan lima (5) anak syarikatnya iaitu PNSB, KSSB, KDEB, ISB dan DEFM telah memberi sumbangan berjumlah RM103.27 juta untuk melaksanakan pelbagai program dan aktiviti Kerajaan Negeri Selangor yang mana KSSB merupakan penyumbang tertinggi berjumlah RM50 juta adalah seperti **Jadual 4.44**. Manakala tiga (3) syarikat lain iaitu PIYS, Tourism Selangor Sdn. Bhd. dan Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. tidak membayar dividen kerana bukan merupakan syarikat berorientasikan keuntungan.

JADUAL 4.44
SUMBANGAN DITERIMA PADA TAHUN 2017

SYARIKAT	BENTUK SUMBANGAN							
	WIFI SELANGORKU (RM Juta)	PENYELESAIAN GLOBAL UNISEL (RM Juta)	SAMBUTAN PERAYAAN (RM Juta)	BOLA SEPAK SELANGOR (FAS) (RM Juta)	TABUNG WARISAN NEGERI SELANGOR (RM Juta)	SUMBANGAN HAJI (RM Juta)	LAIN-LAIN SUMBANGAN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
MBI	11.37	12.75	1.10	-	-	3.28	17.67	46.17
PNSB	-	-	1.97	0.65	0.61	-	3.39	6.62
KDEB	-	-	0.44	-	-	-	0.01	0.45
ISB	-	-	-	-	-	-	0.01	0.01
DEFM	-	-	-	-	-	-	0.02	0.02
KSSB	-	-	1.01	0.05	0.01	-	48.93	50.00
JUMLAH	11.37	12.75	4.52	0.70	0.62	3.28	70.03	103.27

Sumber: Penerimaan Menteri Besar

4.8.3. Hutang Awam

4.8.3.1. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 4.45**.

JADUAL 4.45
HUTANG AWAM TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Projek Bekalan Air	1,084.68	1,049.58	35.10	3.3
Perumahan Awam Kos Rendah	0.00	4.26	-4.26	-100.0
Amanah Saham Selangor	11.36	12.75	-1.39	-10.9
Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya	24.87	28.47	-3.60	-12.6
JUMLAH	1,120.91	1,095.06	25.85	2.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.8.3.2. Pada tahun 2017, Hutang Awam telah meningkat sejumlah RM25.85 juta (2.4%) kepada RM1.12 bilion berbanding RM1.10 bilion pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan jumlah terimaan wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM52.08 juta pada tahun 2017 untuk membiayai tiga (3) projek melebihi jumlah bayaran balik hutang yang telah dibuat berjumlah RM26.23 juta. Terimaan wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan terdiri daripada RM15.74 juta bagi Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) Bukit Badong, RM26.98 juta bagi Membiayai Projek Menaik Taraf dan Meningkatkan Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Langat dan RM9.36 juta bagi Pelaksanaan Program Mitigasi Tambahan bagi Mengurangkan Risiko Berlakunya Krisis Bekalan Air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Projek Menaik Taraf Rumah Pam). Manakala bayaran balik Hutang Awam terdiri daripada bayaran balik bagi dua (2) Projek Bekalan Air Negeri Selangor iaitu Penjadualan Semula Pinjaman Projek Bekalan Air Negeri Selangor tahun 2016 berjumlah RM12.36 juta yang dibuat oleh pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) terus kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2017, Projek Menaik Taraf Stesen Mengepam Air Mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 berjumlah RM4.63 juta yang merupakan tunggakan tahun 2016 dan bayaran tahun 2017; Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM4.26 juta; Amanah Saham Selangor berjumlah RM1.38 juta dan Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya berjumlah RM3.60 juta. Butiran adalah seperti **Jadual 4.46**.

JADUAL 4.46
PERGERAKAN HUTANG AWAM TAHUN 2017


BUTIRAN	BAKI PADA 1 JAN 2017 (RM Juta)	TERIMAAN PINJAMAN (RM Juta)	BAYARAN POKOK PINJAMAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DIS 2017 (RM Juta)
Projek Bekalan Air				
a. Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (No. Pinjaman: 110B/2012/041)	30.00	0.00	0.00	30.00
b. Projek Menaik Taraf Stesen Mengepam Air Mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (No. Pinjaman: 110B/2011/050)	46.28	0.00	4.63	41.65
c. Penjadualan Semula Pinjaman Projek Bekalan Air Negeri Selangor (No. Pinjaman: 110B/2011/051)	694.76	0.00	12.36	682.40
d. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (No. Pinjaman: 110B/2012/038)	66.94	0.00	0.00	66.94
e. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (No. Pinjaman: 110B/2012/039)	81.00	0.00	0.00	81.00
f. Projek Skim Pemindahan Pukal Rasa (No. Pinjaman: 110B/2012/040)	37.90	0.00	0.00	37.90
g. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP 1) (No. Pinjaman: 110B/2016/001)	20.17	0.00	0.00	20.17
h. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP 3) Bukit Badong. (No. Pinjaman: 110B/2016/002)	51.33	15.74	0.00	67.07
i. Projek Menaik Taraf dan Meningkatkan Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Langat (No. Pinjaman: 110B/2016/056)	21.20	26.98	0.00	48.18
j. Pelaksanaan Program Mitigasi Tambahan bagi Mengurangkan Risiko Berlakunya Krisis Bekalan Air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Projek Menaik Taraf Rumah Pam) (No. Pinjaman: 110B/2016/057)	0.00	9.36	0.00	9.36
JUMLAH	1,049.58	52.08	16.99	1,084.67
Perumahan Awam Kos Rendah	4.26	0.00	4.26	0.00
Amanah Saham Selangor	12.75	0.00	1.38	11.37
Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya	28.47	0.00	3.60	24.87
JUMLAH KESELURUHAN	1,095.06	52.08	26.23	1,120.91

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

Nota: RM26.23 juta + RM3.30 juta (Faedah Pinjaman) – RM12.36 juta (Bayaran Balik Pinjaman 2016 yang Dibuat oleh SYABAS Terus Kepada Kerajaan Persekutuan pada Tahun 2017) = RM17.17 juta

4.8.3.3. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Carta 4.7**, manakala kedudukan Hutang Awam tidak mengalami perubahan yang ketara.

CARTA 4.7
KEDUDUKAN HUTANG AWAM TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.3.4. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.47**.

JADUAL 4.47
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG AWAM TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Projek Bekalan Air	9.27	12.36	12.36	14.67	13.86
Perumahan Awam Kos Rendah	40.00	22.73	14.73	0.00	0.00
JUMLAH	49.27	35.09	27.09	14.67	13.86

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.3.5. Baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam mulai menurun dari tahun 2013 hingga 2017. Pada akhir tahun 2017, baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam telah menurun sejumlah RM0.81 juta (5.5%). Penurunan ini disebabkan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada tahun 2016 bagi Projek Menaiktaraf Stesen Mengepam Air Mentah Ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 berjumlah RM2.31 juta telah dijelaskan pada tahun 2017 serta tambahan tunggakan bayaran balik baru berjumlah RM1.50 juta bagi Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (Mitigasi 2).

4.9. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima dan angka perbandingan.

4.9.1. Akaun Belum Terima

4.9.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. ABT terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Pada tahun 2017, baki ABT berjumlah RM370.10 juta iaitu menurun sejumlah RM35.90 juta (8.8%) berbanding RM406 juta pada tahun 2016. Kedudukan ABT pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.48**.

JADUAL 4.48
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM)	2016 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
TUNGGAKAN HASIL				
Cukai Tanah	284,164,137	327,989,264	-43,825,127	-13.4
Lain-lain Hasil	1,400,583	590,765	809,818	137.1
Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	0	24,910	-24,910	-100.0
Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia	71,612	72,112	-500	-0.7
Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut:				
a. Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	15,133,966	12,492,422	2,641,544	21.1
b. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	0	3,158,689	-3,158,689	-100.0
c. Majlis Perbandaran Subang Jaya	643,583	0	643,583	100.0
JUMLAH	301,413,881	344,328,162	-42,914,281	-12.5
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN				
Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	5,387,200	1,010,926	4,376,274	432.9
Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia	744,723	748,523	-3,800	-0.5
Pinjaman Boleh Dituntut:				
a. Yayasan Selangor	14,855,023	14,379,186	475,837	3.3
b. Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	16,410,096	13,337,565	3,072,531	23.0
c. Kolej Universiti Islam Selangor	0	133,333	-133,333	-100.0
d. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	14,340,115	14,340,115	0	0
e. Majlis Daerah Sabak Bernam	1,520,000	850,510	669,490	78.7
f. Majlis Daerah Kuala Selangor	12,532,505	9,265,647	3,266,858	35.3
g. Lembaga Perumahan dan Hartanah	0	7,201,148	-7,201,148	-100.0
h. Majlis Perbandaran Subang Jaya	2,461,577	0	2,461,577	100.0
JUMLAH	68,251,239	61,266,953	6,984,286	11.4

BUTIRAN	2017 (RM)	2016 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
TUNGGAKAN HUTANG LAIN				
Jabatan Agama Islam	171,894	173,485	-1,591	-0.9
Pejabat Perbendaharaan Negeri (Unit Cukai Hiburan)	0	68,995	-68,995	-100
Mahkamah Tinggi Syariah Negeri	174,300	132,550	41,750	31.5
Pejabat Tanah dan Galian (Pendahuluan Diri)	21,947	21,947	0	0
Pejabat Daerah dan Tanah Klang (Pentadbiran)	12,443	7,568	4,875	64.4
Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Program Hadiah Anak Masuk Universiti	0	3,000	-3,000	-100
Jabatan Kerja Raya Kuala Selangor	0	3,160	-3,160	-100
Jabatan Kerja Raya Daerah Gombak	3,670	0	3,670	100
Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Bahagian Khidmat Pengurusan	33,428	0	33,428	100
Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	25,493	0	25,493	100
JUMLAH	443,175	410,705	32,470	7.9
JUMLAH KESELURUHAN	370,108,295	406,005,820	-35,897,525	-8.8

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

4.9.1.2. Sebahagian besar daripada ABT tahun 2017 berjumlah RM370.10 juta terdiri daripada tunggakan hasil berjumlah RM301.41 juta (81.4%). Penyumbang utama kepada tunggakan hasil adalah cukai tanah. Perbandingan tunggakan cukai tanah tahun 2016 dan 2017 menunjukkan tunggakan cukai tanah telah menurun sejumlah RM43.83 juta (13.4%) berbanding tahun 2016. Kedudukan tunggakan cukai tanah mengikut Pejabat Daerah dan Tanah pada tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 4.49**.

JADUAL 4.49
TUNGGAKAN CUKAI TANAH MENGIKUT
PEJABAT DAERAH DAN TANAH TAHUN 2016 DAN 2017


PEJABAT DAERAH DAN TANAH	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Petaling	116.00	162.56	-46.56	-28.6
Gombak	44.20	45.51	-1.31	-2.9
Klang	46.98	42.93	4.05	9.4
Hulu Selangor	25.60	27.28	-1.68	-6.2
Hulu Langat	31.73	30.94	0.79	2.6
Kuala Selangor	6.69	6.41	0.28	4.4
Sepang	8.16	6.71	1.45	21.6
Kuala Langat	4.06	4.80	-0.74	-15.4
Sabak Bernam	0.74	0.85	-0.11	-12.9
Jumlah	284.16	327.99	-43.83	-13.4

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

Pengurangan sejumlah RM46.56 juta di Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (PDTP) adalah disebabkan oleh data *cleaning* hak milik penyelesaian dengan nilai tunggakan berjumlah RM27.56 juta yang melibatkan 1,963 hak milik daripada Sime UEP Properties, Bedford Housing Sdn Bhd, Taman Perusahaan Berat Sdn Bhd dan Bakat Sejati. Selain itu sejumlah RM19 juta tunggakan hasil tahun 2017 telah berjaya dikutip.

4.9.1.3. Analisis kedudukan tunggakan cukai tanah bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2013 hingga 2017 menunjukkan tunggakan cukai tanah menurun setiap tahun dari tahun 2013 hingga 2015 tetapi meningkat semula pada tahun 2016 seterusnya menurun pada tahun 2017. Secara keseluruhannya, tunggakan cukai tanah telah menurun sejumlah RM65.03 juta (18.6%) dalam tempoh lima (5) tahun dari RM349.19 juta pada tahun 2013 kepada RM284.16 juta pada tahun 2017. Kedudukan tunggakan cukai tanah pada akhir tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Carta 4.8**.

CARTA 4.8
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

4.9.1.4. Analisis Audit mendapati daripada jumlah keseluruhan ABT pada tahun 2017 berjumlah RM370.10 juta, sejumlah RM81.77 juta (22.1%) merupakan ABT berusia melebihi enam (6) tahun. Kedudukan ABT berusia melebihi enam (6) tahun adalah seperti **Jadual 4.50**.

JADUAL 4.50
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA
MELEBIHI ENAM (6) TAHUN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

KATEGORI/JABATAN	USIA ABT MELEBIHI 6 TAHUN		PERUBAHAN	
	2017 (RM)	2016 (RM)	(RM)	(%)
TUNGGAKAN HASIL				
Cukai Tanah	75,856,881	83,701,135	-7,844,254	-9.4
Lain-lain Hasil	75,247	47,466	27,781	58.5
Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	0	4,664	-4,664	-100
Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia	71,612	72,112	-500	-0.7
JUMLAH	76,003,740	83,825,377	-7,821,637	-9.3
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN				
Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	4,924,678	645,076	4,279,602	663.4
Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia	744,723	748,523	-3,800	-0.5
JUMLAH	5,669,401	1,393,599	4,275,802	306.8
TUNGGAKAN HUTANG LAIN				
Pejabat Perbendaharaan Negeri (Unit Cukai Hiburan)	0	68,995	-68,995	-100
Jabatan Agama Islam	92,959	94,549	-1,590	-1.7
JUMLAH	92,959	163,544	-70,585	-43.2
JUMLAH KESELURUHAN	81,766,100	85,382,520	-3,616,420	-4.2

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

4.9.1.5. Berdasarkan jadual di atas, jumlah ABT berusia melebihi enam (6) tahun telah menurun sejumlah RM3.62 juta (4.2%) berbanding RM85.38 juta pada tahun 2016. Faktor utama bagi penurunan ini disebabkan penurunan tunggakan hasil cukai tanah berusia melebihi enam (6) tahun sejumlah RM7.84 juta berbanding tahun 2016. Mengikut maklum balas Perbendaharaan Negeri bertarikh 24 April 2018, antara sebab bagi pengurangan ABT ini adalah seperti berikut:

- a. Hak milik Keramat Permai dan Pinggiran Batu Caves mempunyai tunggakan cukai tanah melebihi usia enam (6) tahun yang menyumbang kepada penurunan ABT.
- b. Perbendaharaan Negeri (Unit Cukai Hiburan) telah mengambil tindakan hapus kira bagi perbezaan kutipan hasil duti hiburan sejumlah RM68,995 kerana amaun tersebut tidak dapat dikutip dan telah berlarutan selama lebih sembilan (9) tahun selaras dengan Pekeliling 1PP WP10.3.

4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2017 adalah kukuh di mana:

- baki Kumpulan Wang Disatukan menurun sejumlah RM212.39 juta (6.9%) berbanding tahun 2016;
- kutipan hasil meningkat sejumlah RM310.44 juta (12.4%) manakala pelaburan menurun sejumlah RM887.17 juta (29.6%) berbanding tahun 2016;
- Kerajaan Negeri mencatat peningkatan defisit di Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM368.56 juta (25.4%) pada tahun 2017 dan berbanding defisit sejumlah RM144.66 juta pada tahun 2016;
- baki Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut masing-masing meningkat sejumlah RM149.48 juta (14.4%) dan RM2.74 juta (3.6%);
- Hutang Awam meningkat sejumlah RM25.85 juta (2.4%) pada tahun 2017 manakala tunggakan bayaran balik Hutang Awam telah menurun sejumlah RM0.81 juta (5.5%);
- Akaun Belum Terima berjumlah RM370.10 juta, iaitu menurun sejumlah RM35.90 juta (8.8%) di mana tunggakan cukai tanah menurun sejumlah RM43.83 juta (13.4%); dan
- bayaran di bawah AP 58(a) sepatutnya boleh dibayar dalam tahun kewangan sekiranya jabatan mengambil langkah proaktif untuk memastikan tuntutan/bil tersebut diterima dan diselesaikan pembayarannya sebelum tarikh penutupan akaun.

4.10.2. Untuk penambahbaikan dalam prestasi kewangan adalah disyorkan:

- jabatan perlu mewartakan deposit yang tidak lagi diperlukan di mana antara deposit tersebut telah dipegang selama 13 tahun;
- Kerajaan Negeri disarankan meningkatkan usaha untuk mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan hasil/bayaran balik pinjaman; dan
- hutang lain daripada jabatan/agensi kerajaan serta mengutip tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN

KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11

5.1. PENDAHULUAN

5.1.1. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Negeri Selangor untuk tempoh lima (5) tahun bermula pada tahun 2016 hingga 2020 telah digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Selangor. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Selangor dalam pelaksanaan Misi Nasional yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan merealisasikan Wawasan 2020.

5.1.2. Kerajaan Negeri telah meluluskan anggaran siling pembangunan RMKe-11 berjumlah RM7.91 bilion bagi melaksanakan 533 projek/program iaitu 342 projek (fizikal) dan 191 program (bukan fizikal). Tiga (3) daripada sembilan (9) Jabatan yang menerima siling yang tertinggi adalah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya serta Jabatan Agama Islam masing-masing berjumlah RM4.96 bilion (62.8%), RM1.67 bilion (21.2%) dan RM563 juta (7.1%). Agihan siling untuk projek/program yang diluluskan di bawah RMKe-11 mengikut jabatan adalah seperti **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
AGIHAN SILING PEMBANGUNAN RMKe-11
DAN BILANGAN PROJEK/PROGRAM MENGIKUT JABATAN

JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN RMKe-11		BILANGAN PROJEK DAN PROGRAM		
	(RM Juta)	(%)	PROJEK	PROGRAM	JUMLAH
Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	4,967.86	62.8	33	85	118
Jabatan Kerja Raya	1,673.50	21.2	95	0	95
Jabatan Agama Islam	563.00	7.1	99	10	109
Jabatan Pengairan dan Saliran	527.00	6.7	104	0	104
Jabatan Pertanian	82.00	1.0	2	38	40
Jabatan Perkhidmatan Veterinar	37.66	0.5	9	19	28
Jabatan Perhutanan	34.00	0.4	0	28	28
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	15.00	0.2	0	9	9
Perbendaharaan Negeri	10.95	0.1	0	2	2
JUMLAH	7,910.97	100.0	342*	191	533

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri

Nota: * - Sehingga 31 Disember 2017, Sebanyak Tujuh (7) dan Dua (2) Projek Masing-Masing Projek di Bawah Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran Digugurkan Menjadikan Jumlah Projek Sebenar Dirancang Untuk Dilaksanakan Sebanyak 333 Projek

5.2. PENCAPAIAN RMKe-11

5.2.1. Status Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

5.2.1.1. Pada tahun 2017, sejumlah RM1.63 bilion daripada peruntukan pembangunan berjumlah RM1.80 bilion telah dibelanjakan seperti **Jadual 5.2** manakala **Jadual 5.3** menunjukkan pencapaian perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan. Semua jabatan telah membelanjakan melebihi 80% daripada peruntukan pembangunan yang diluluskan kecuali Jabatan Kerja Raya dan Perbendaharaan Negeri Selangor yang hanya membelanjakan 70.2% dan 36.6% daripada peruntukan.

JADUAL 5.2
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RMKe-11 BAGI TAHUN 2017

KAEDAH	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
Langsung	1,754.50	1,592.67	90.8
Pinjaman	45.50	39.08	85.9
JUMLAH	1,800.00	1,631.75	90.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

JADUAL 5.3
PENCAPAIAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN RMKe-11 BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT JABATAN

JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	4.10	4.09	99.8
Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1,107.88	1,093.78	98.7
Jabatan Perhutanan	7.00	6.66	95.1
Jabatan Pertanian	18.00	16.72	92.9
Jabatan Pengairan dan Saliran	135.00	123.94	91.8
Jabatan Perkhidmatan Veterinar	7.47	6.80	91.0
Jabatan Agama Islam	128.50	105.19	81.9
Jabatan Kerja Raya	390.00	273.82	70.2
Perbendaharaan Negeri	2.05	0.75	36.6
JUMLAH	1,800.00	1,631.75	90.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

5.2.2. Status Prestasi Pelaksanaan Projek

5.2.2.1. Di bawah RMKe-11, sebanyak 342 projek fizikal telah dirancang untuk dilaksanakan. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak sembilan (9) projek telah digugurkan menjadikan projek sebenar dirancang untuk dilaksanakan sebanyak 333 projek. Daripada 333 projek tersebut, sebanyak 38 projek telah disiapkan, 122 projek dalam peringkat pelaksanaan dan 173 projek belum mula/dalam perancangan. Butiran adalah seperti **Jadual 5.4** dan **Carta 5.1**.

JADUAL 5.4
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11

JABATAN/PEJABAT	BILANGAN PROJEK DILULUSKAN	SIAP	DALAM PELAKSANAAN			DP	BELUM MULA	GUGUR
			IJ	DJ	LJ			
Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	33	9	5	-	7	7	5	-
Jabatan Kerja Raya	95	13	4	4	7	27	33	7
Jabatan Pengairan dan Saliran	104	5	65	-	5	19	8	2
Jabatan Agama Islam	99	11	15	-	3	26	44	-
Jabatan Pertanian	2	-	2	-	-	-	-	-
Jabatan Perkhidmatan Veterinar	9	-	5	-	-	1	3	-
JUMLAH	342	38	96	4	22	80	93	9
JUMLAH KESELURUHAN	342	38	122			80	102	

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

Nota: Jabatan Perhutanan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta Perbendaharaan Negeri Selangor Hanya Melaksanakan Projek Bukan Fizikal dan Tidak Disenaraikan


DP - Dalam Perancangan

IJ - Ikut Jadual

DJ - Dahulu Jadual

LJ - Lewat Jadual

CARTA 5.1
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri

5.2.2.2. Analisis lanjut terhadap pencapaian pelaksanaan projek RMKe-11 sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

- a. Daripada 122 projek dalam pelaksanaan, sebanyak 22 projek yang lewat jadual. Antara faktor yang menyumbang kepada projek lewat jadual adalah disebabkan kelewatan menentukan proses penyiasatan lif disebabkan pertukaran sistem permohonan dari manual ke *online*, pindaan kepada reka bentuk bangunan, isu pengambilan balik tanah lot yang tertinggal, pengalihan utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM). Lima (5) projek lewat jadual dengan anggaran peruntukan pembangunan RMKe-11 Tahun 2017 yang tertinggi adalah seperti **Jadual 5.5**.

JADUAL 5.5
PROJEK LEWAT JADUAL DENGAN ANGGARAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RMKe-11

PROJEK	JABATAN	PERUNTUKAN (RM Juta)
Membina Bangunan Kompleks Ibu Pejabat JKR Selangor	Jabatan Kerja Raya	20.10
Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS)	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	18.15
Menaik Taraf B27, Jalan Rawang - Batang Berjuntai (Fasa 2) dari Persimpangan Bandar Country Homes ke Sempadan Daerah Kuala Selangor.	Jabatan Kerja Raya	14.50
Tempat Letak Kereta Awam Seksyen 5 Shah Alam	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	8.84
Menaik Taraf Jalan Kg.Lombong Fasa 1 dan Fasa 2	Jabatan Kerja Raya	8.79

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

- b. Sebanyak 93 projek belum mula adalah peruntukan token tahun 2017. Antara sebab projek belum dimulakan ialah kerana memberi laluan kepada pelaksanaan projek yang perlu diberi keutamaan.
- c. Sebanyak sembilan (9) projek masing-masing tujuh (7) dan dua (2) projek pembangunan RMKe-11 daripada Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran digugurkan bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek yang perlu diberi keutamaan selaras dengan anggaran peruntukan pembangunan RMKe-11 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Sembilan (9) projek yang digugurkan masing-masing lima (5) projek tidak mempunyai peruntukan dan empat (4) projek mempunyai peruntukan token pada tahun 2017. Butiran adalah seperti **Jadual 5.6**.

JADUAL 5.6
PROJEK YANG DIGUGUR DALAM RMKe-11

PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	SEBAB GUGUR
JABATAN KERJA RAYA		
Membina Jalan Sambungan B18/B20 Fasa IV	10.00	Projek tidak diluluskan untuk ditender semula kerana melibatkan jalan persekutuan.
Menaik Taraf Longkang dan Susur Jalan UPM, Serdang	10.00	Kerja-kkerja penggantian longkang telah dijalankan oleh konsesi dan tiada keperluan mendesak untuk menaik taraf jalan susur.
Menaik Taraf Jalan Welfare, Jalan Perkhidmatan, Jalan Kg Baru Sungai Buloh Serta Sistem Saliran di Kawasan Sekitar	10.00	Projek digugurkan kerana telah diambil oleh pemaju Mah Sing Group dan MRT Corporation.
Membina Laluan Basikal di Jalan Sg.Lui Hingga Simpang Jalan Sg. Lalang	10.00	Projek kurang keutamaan dan memberi keutamaan siling kepada projek lain.
Menaik Taraf Jalan Bukit Damar, Dengkil	0.00	Dilaksanakan oleh pemaju Gamuda Engineering.
Menaik Taraf Jalan Sri Keledang dari Seksyen 0.00 Hingga 7.00	0.00	Projek digugurkan kerana jalan telah dinaik taraf oleh Jabatan Persekutuan.
Membina Jejantas pejalan kaki di Jalan Pekan Subang Berhampiran Jalan Jati.	0.00	Projek digugurkan kerana tiada keperluan.
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN		
Membina Kolam Takungan di Taman Desa Baiduri, Mukim Cheras	0.00	Lantikan perunding dan pelaksanaan projek akan dibuat oleh KTMB.

PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	SEBAB GUGUR
Menaik Taraf Kolam Takungan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Batu Tiga.	0.00	Kelulusan untuk pengguguran projek adalah melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 7 Jun 2017.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan Jabatan Kerja Raya Selangor

5.3. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan RMKe-11 bagi tahun 2017 adalah sangat baik, iaitu sejumlah RM1.63 bilion atau 90.7% telah dibelanjakan. Prestasi pelaksanaan projek adalah memuaskan memandangkan bagi tempoh tahun kedua RMKe-11 sehingga akhir tahun 2017, 38 projek atau 11.4% telah disiapkan, 122 projek atau 36.6% sedang dalam pelaksanaan dan 173 projek atau 52% belum mula/dalam perancangan. Adalah disyorkan Kerajaan Negeri menyelesaikan dan mengkoordinasi isu awal berkaitan pelaksanaan projek agar tidak menjejaskan tempoh pelaksanaan.



BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

6. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

6.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pengauditan Penyata Kewangan Tahun 2017 dilaksanakan terhadap 26 agensi iaitu 14 Badan Berkanun Negeri (BBN) dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Mengikut Seksyen 7(3) Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan kompeten untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Bagi Penyata Kewangan Tahun 2017, firma audit swasta telah dilantik untuk menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 25 agensi melibatkan 13 BBN dan 12 PBT. Pengauditan penyata kewangan bagi satu (1) BBN iaitu Majlis Agama Islam Selangor pula dijalankan oleh Jabatan Audit Negara. Pemantauan terhadap firma audit swasta diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan lebih awal dan berkesan.

6.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut enakmen penubuhan, BBN berkenaan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit dalam masa enam (6) bulan selepas akhir setiap tahun kewangan. Bagi PBT, Seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki PBT menyediakan penyata kewangan dengan seberapa segera apabila tamat tempoh kewangan bagi tahun tersebut untuk membolehkan Ketua Audit Negara mengesahkan penyata kewangan pada atau sebelum akhir bulan Oktober tahun berikutnya. Bagaimanapun, Surat Hebahan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil. 18 Tahun 2009 pula menetapkan agensi negeri perlu mengemukakan penyata kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 30 April tahun kewangan berikutnya. Sehingga 31 Julai 2018, sebanyak 26 agensi telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 untuk diaudit. Daripada 26 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan tersebut, 13 agensi mengemukakan dalam

tempoh yang ditetapkan manakala 13 agensi diterima selepas 30 April 2018. Pada tahun 2018, semua PBT telah dibenarkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengemukakan penyata kewangan selewat-lewatnya pada 31 Mei 2018 disebabkan pelaksanaan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2017 sehingga 31 Julai 2018 adalah seperti **Jadual 6.1**.

JADUAL 6.1
KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA
KEWANGAN TAHUN 2017 SEHINGGA 31 JULAI 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH DITERIMA
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Wakaf Selangor	30.03.2018
2.	Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee	06.04.2018
3.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	23.04.2018
4.	Majlis Sukan Negeri Selangor	23.04.2018
5.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	24.04.2018
6.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	25.04.2018
7.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	26.04.2018
8.	Majlis Agama Islam Selangor	27.04.2018
9.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	27.04.2018
10.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	30.04.2018
11.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	15.05.2018
12.	Lembaga Urus Air Selangor	02.07.2018
13.	Kumpulan Wang Biasiswa Institut Victoria	04.07.2018
14.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	04.07.2018
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	25.04.2018
2.	Majlis Perbandaran Kajang	26.04.2018
3.	Majlis Perbandaran Sepang	26.04.2018
4.	Majlis Daerah Kuala Langat	07.05.2018
5.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	28.05.2018
6.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	30.05.2018
7.	Majlis Daerah Hulu Selangor	30.05.2018
8.	Majlis Perbandaran Selayang	30.05.2018
9.	Majlis Perbandaran Klang	31.05.2018
10.	Majlis Bandaraya Shah Alam	31.05.2018
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	31.05.2018
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	31.05.2018

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.3. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai akaun agensi negeri dibentangkan di Dewan Negeri Selangor (DNS). Enakmen penubuhan BBN dan Seksyen 60(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga

memperuntukkan supaya 19 penyata kewangan agensi iaitu tujuh (7) BBN dan 12 PBT yang telah diperakui oleh Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan yang sama. Penyata kewangan tahun 2016 bagi enam (6) BBN dan 12 PBT yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di DNS pada 3 November 2017 manakala satu (1) penyata kewangan BBN iaitu Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah dibentangkan di DNS pada 27 Mac 2018.

6.4. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Bagi 19 penyata kewangan tahun 2016 yang telah diaudit dan dibentangkan di DNS, sebanyak 17 agensi negeri telah diberi Laporan Tanpa Teguran dan dua (2) agensi diberi Laporan Berteguran.

- a. Lembaga Urus Air Selangor diberi Laporan Berteguran kerana terdapat liabiliti tidak direkod pada 31 Disember 2016 menyebabkan perbelanjaan dan liabiliti berkurang catat sejumlah RM3.28 juta.
- b. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) diberi Laporan Berteguran kerana tidak dapat mengesahkan nilai Penghutang Cukai Taksiran Am dan Penghutang notis dan waran yang dilaporkan masing-masing berjumlah RM80.13 juta dan RM9.66 juta. Terdapat perbezaan nilai penghutang sejumlah RM1.67 juta dan RM4.48 juta apabila dibandingkan dengan penyata penyesuaian sistem eCouncil yang masing-masing berjumlah RM81.80 juta dan RM5.18 juta. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan baki akaun Pemiutang Taksiran Am berjumlah RM2.42 juta kerana tiada laporan perbandingan yang boleh dihasilkan daripada sistem eCouncil. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan jumlah Perbelanjaan Lain dan baki Penghutang sejumlah RM39.86 juta disebabkan terdapat bayaran balik cukai dan bayaran balik lebihan sewaan telah didebitkan dalam Perbelanjaan Lain. Sebaliknya, transaksi ini sepatutnya didebitkan ke dalam akaun Penghutang pembayar cukai.

6.5. PRESTASI KEWANGAN

6.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.1.1. Sehingga 31 Julai 2018, semua 14 penyata kewangan BBN tahun 2017 sedang diaudit. Analisis Audit berdasarkan penyata kewangan BBN yang perlu membentangkan penyata kewangan di DNS mendapati prestasi kewangan keseluruhan tujuh (7) BBN terlibat pada tahun 2017 adalah baik di mana keuntungan terkumpul dan aset semasa bersih masing-masing meningkat sejumlah RM136.62 juta dan RM480.09 juta berbanding tahun 2016. Namun, surplus menurun sebanyak RM180.68 juta disebabkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mencatat penurunan surplus sejumlah RM221.30 juta.

Prestasi kewangan tujuh (7) BBN terlibat bagi tahun 2017 dan 2016 diringkaskan seperti **Jadual 6.2**.

JADUAL 6.2
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	PERKARA	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Keuntungan Terkumpul	5,792.62	5,656.00	136.62	2.4
2.	Surplus	139.63	320.31	-180.68	-56.4
3.	Aset Semasa Bersih	3,842.60	3,362.51	480.09	14.3

Sumber: Penyata Kewangan BBN Beraudit Tahun 2016
Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

6.5.1.2. Pada akhir tahun 2017, enam (6) BBN terlibat mencatat surplus. PKNS mencatat keuntungan terkumpul, surplus dan aset semasa bersih tertinggi iaitu masing-masing sejumlah RM4.89 bilion, RM97.91 juta dan RM3.38 bilion. Sementara itu, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) mencatat defisit sejumlah RM0.58 juta. Prestasi kewangan tujuh (7) BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti **Jadual 6.3**.

JADUAL 6.3
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN
NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017			KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017			KEUNTUNGAN TERKUMPUL/ KUMPULAN WANG TERKUMPUL (RM Juta)
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	SURPLUS/ DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)	
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	646.84	548.93	97.91	3,795.10	419.95	3,375.15	4,890.85
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	82.63	67.61	15.02	180.03	19.70	160.33	529.11
3.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	34.91	30.99	3.92	360.47	319.88	40.59	105.29
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	26.36	26.94	-0.58	16.19	1.37	14.82	4.60
5.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	29.86	8.58	21.28	205.15	0.00*	205.15	205.18
6.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	16.70	16.26	0.44	21.66	1.05	20.61	33.39
7.	Lembaga Urus Air Selangor	27.50	25.87	1.63	26.28	0.34	25.94	24.21
JUMLAH		864.80	725.18	139.62	4,604.88	762.29	3,842.59	5,792.63

Sumber: Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

Nota: * - RM3,599

6.5.1.3. Analisis Pendapatan Janaan Sendiri

Pada akhir tahun 2017, pendapatan janaan sendiri bagi tujuh (7) BBN adalah berjumlah RM768.91 juta berbanding RM967.38 juta pada tahun 2016 iaitu penurunan sejumlah RM198.47 juta. Perbandingan pendapatan janaan sendiri BBN antara tahun 2016 dengan 2017 adalah seperti **Jadual 6.4**.

JADUAL 6.4
PENDAPATAN JANAAN SENDIRI BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	646.84	826.50	-179.66	-21.7
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	82.63	108.04	-25.41	-23.5
3.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	18.10	21.33	-3.23	-15.1
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	2.53	2.10	0.43	20.5
5.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	2.25	1.37	0.88	64.2
6.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	2.95	1.11	1.84	165.8
7.	Lembaga Urus Air Selangor	13.61	6.93	6.68	96.4
JUMLAH		768.91	967.38	-198.47	-20.5

Sumber: Penyata Kewangan BBN Beraudit Tahun 2016
Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

6.5.1.4. Analisis Geran


Pada tahun 2017, sebanyak lima (5) BBN menerima geran berjumlah RM106.08 juta daripada Kerajaan Persekutuan/Negeri berbanding RM127.26 juta pada tahun 2016 iaitu menurun sejumlah RM21.18 juta. Geran yang diterima oleh BBN bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.5**. Dua (2) BBN iaitu PPAS dan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor menerima geran daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2017 masing-masing sejumlah RM8.33 juta dan RM4.52 juta. **Carta 6.1** menunjukkan perbandingan pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima bagi lima (5) BBN tersebut bagi tahun 2017 dan 2016.

JADUAL 6.5
GERAN YANG DITERIMA DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN/NEGERI OLEH BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	26.91	16.31	10.60	65.0
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	26.84	32.30	5.46	-16.9
3.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	23.80	31.43	-7.63	-24.3
4.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	14.45	14.73	-0.28	-1.9
5.	Lembaga Urus Air Selangor	14.08	32.49	-18.41	-56.7
JUMLAH		106.08	127.26	-21.18	-16.6

Sumber: Penyata Kewangan BBN Beraudit Tahun 2016
Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

CARTA 6.1
PENDAPATAN JANAAN SENDIRI DAN GERAN DARIPADA
KERAJAAN UNTUK BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2017 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan BBN Beraudit Tahun 2016
 Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

6.5.1.5. Analisis Aset

- a. Jumlah aset adalah terdiri daripada aset semasa dan aset bukan semasa. Pada akhir tahun 2017, jumlah aset yang dimiliki oleh tujuh (7) BBN bernilai RM8.05 bilion berbanding RM7.30 bilion pada tahun 2016 iaitu peningkatan sejumlah RM747.11 juta. Peningkatan ini adalah kesan daripada peningkatan keseluruhan aset bukan semasa dan aset semasa masing-masing sejumlah RM188.54 juta dan RM558.56 juta berbanding tahun 2016. Penyumbang utama kepada peningkatan jumlah aset tujuh (7) BBN ialah peningkatan aset semasa PKNS sejumlah RM559.25 juta berbanding tahun 2016. Perubahan jumlah aset antara tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.6**.

JADUAL 6.6
JUMLAH ASET BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	6,656.07	5,968.84	687.23	11.5
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	553.33	543.62	9.71	1.8
3.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	468.88	451.02	17.86	4.0
4.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	205.18	186.62	18.56	9.9
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	102.88	90.63	12.25	13.5
6.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	34.44	34.83	-0.39	-1.1
7.	Lembaga Urus Air Selangor	27.45	25.56	1.89	7.4
JUMLAH		8,048.23	7,301.12	747.11	10.2

Sumber: Penyata Kewangan BBN Beraudit Tahun 2016
 Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

- b. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih telah meningkat daripada RM3.36 bilion pada tahun 2016 kepada RM3.84 bilion pada tahun 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM480.09 juta. Peningkatan yang ketara berlaku di PKNS iaitu sejumlah RM483.62 juta disebabkan terutamanya oleh penambahan Projek Kemajuan Hartanah sejumlah RM472.99 juta. Kedudukan aset semasa bersih bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.7**.

JADUAL 6.7
ASET SEMASA BERSIH BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL .	BADAN BERKANUN NEGERI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	3,375.15	2,891.53	483.62	16.7
2.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	205.15	186.38	18.77	10.1
3.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	160.33	152.06	8.27	5.4
4.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	40.59	75.61	-35.02	-46.3
5.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	20.61	20.03	0.58	2.9
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	14.82	12.44	2.38	19.1
7.	Lembaga Urus Air Selangor	25.94	24.45	1.49	6.1
JUMLAH		3,842.59	3,362.50	480.09	14.3

Sumber: Penyata Kewangan BBN Beraudit Tahun 2016
Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

6.5.1.6. Analisis Pelaburan


Pada tahun 2017, tiga (3) daripada tujuh (7) BBN terlibat telah membuat pelaburan berjumlah RM2.02 bilion berbanding RM1.86 bilion pada tahun 2016 iaitu meningkat sejumlah RM164.68 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh PKNS telah menambah Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dan Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu masing-masing berjumlah RM138.42 juta dan RM22.73 juta. Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) telah menurun sejumlah RM0.30 juta. Pelaburan BBN bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.8**. Pelaburan berjumlah RM2.02 bilion pada tahun 2017 terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari (79.8%), syarikat bersekutu (7.8%) dan lain-lain pelaburan (12.4%) seperti **Carta 6.2**.

JADUAL 6.8
PELABURAN BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL .	BADAN BERKANUN NEGERI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	1,982.99	1,819.04	163.95	9.0
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	37.71	38.01	-0.30	-0.8
3.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	2.78	1.75	1.03	58.9
JUMLAH		2,023.48	1,858.80	164.68	8.9

Sumber: Penyata Kewangan BBN Beraudit Tahun 2016
Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

CARTA 6.2
PELABURAN BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

6.5.1.7. Analisis Liabiliti

- a. Liabiliti terdiri daripada liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang seperti pinjaman, pemiutang, belanja terakru, deposit, pendapatan tertunda, akaun amanah dan cukai tertunda. Pada akhir tahun 2017, jumlah liabiliti bagi tujuh (7) BBN adalah RM2.23 bilion berbanding RM1.62 bilion pada tahun 2016 iaitu peningkatan sejumlah RM609.52 juta. Sebanyak empat (4) BBN mencatat peningkatan liabiliti manakala tiga (3) BBN yang lain mencatat penurunan liabiliti.
- b. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor mencatat peningkatan liabiliti tertinggi iaitu sejumlah RM588.54 juta berbanding tahun 2016 disebabkan terutamanya oleh peningkatan Pinjaman Jangka Panjang sejumlah RM511.38 juta. Perbandingan liabiliti BBN bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.9**.

JADUAL 6.9
LIABILITI BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	1,739.98	1,151.44	588.54	51.1
2.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	363.59	349.16	14.43	4.1
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	98.27	85.45	12.82	15.0
4.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	24.22	29.53	-5.31	-18.0
5.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	1.05	1.89	-0.84	-44.4
6.	Lembaga Urus Air Selangor	0.34	0.27	0.07	25.9
7.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	0.00*	0.19	-0.19	-98.1
JUMLAH		2,227.45	1,617.93	609.52	37.7

Sumber: Penyata Kewangan BBN Beraudit Tahun 2016
Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017
Nota: * - RM3,559

6.5.1.8. Analisis Nisbah

Analisis nisbah adalah untuk mengkaji kedudukan dan kekukuhan kewangan agensi bagi suatu tempoh kewangan. Analisis nisbah tujuh (7) BBN bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 6.10** dan penerangannya adalah seperti perenggan berikut:

JADUAL 6.10
ANALISIS NISBAH BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2017

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	NISBAH SEMASA	NISBAH HUTANG (%)	MODAL KERJA (RM Juta)	ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	9.04	26.1	3,375.15	-54.13
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	9.14	4.4	160.33	5.32
3.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	1.13	77.5	40.59	-23.42
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	11.85	95.5	14.82	1.38
5.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	20.63	3.0	20.61	-0.58
6.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	57,644.53	0.002	205.15	3.26
7.	Lembaga Urus Air Selangor	77.72	1.23	25.94	-68.18

Sumber: Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

- a. Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana agensi mampu membayar liabiliti semasa sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya semakin tinggi nisbah semasa semakin baik kecairan sesebuah agensi. Nisbah semasa bagi tujuh (7) BBN adalah baik kerana melebihi satu (1). Ini menunjukkan tujuh (7) BBN tersebut mampu menampung liabiliti semasa.
- b. Nisbah hutang kepada aset mengukur peratus aset yang dibiayai oleh liabiliti. Nisbah hutang kurang daripada 100% dianggap baik. Nisbah hutang bagi tujuh (7) BBN adalah baik kerana kurang daripada 100%.
- c. Modal kerja adalah untuk mengukur kemampuan agensi membayar liabiliti jangka pendek dan meneruskan operasinya. Semua tujuh (7) BBN mempunyai modal kerja yang mencukupi untuk menjalankan operasi.
- d. Aliran Tunai Bersih adalah penambahan/pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan. Pada tahun 2017, LUAS mencatatkan Pengurangan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai tertinggi sejumlah RM68.18 juta kerana kurangan tunai bersih daripada aktiviti operasi sejumlah RM559.65 juta diimbangi dengan lebihan tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan sejumlah RM511.38 juta.

6.5.2. Prestasi Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri

6.5.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu

Pada tahun 2017, tiga (3) BBN iaitu PKNS, PKPS dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah melabur dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dengan nilai keseluruhan pelaburan berjumlah RM1.77 bilion. Daripada jumlah pelaburan tersebut, PKNS mempunyai nilai pelaburan tertinggi iaitu RM1.73 bilion diikuti dengan PKPS dan LPHS masing-masing dengan nilai pelaburan berjumlah RM37.71 juta dan RM2.78 juta. Butiran mengenai pelaburan pada kos dalam 35 syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu pada 31 Disember 2017 adalah seperti **Jadual 6.11**.

JADUAL 6.11
ANALISIS PELABURAN PADA KOS DALAM SYARIKAT
SUBSIDIARI DAN SYARIKAT BERSEKUTU PADA 31 DISEMBER 2017

PERKARA	BADAN BERKANUN NEGERI			JUMLAH
	PKNS	PKPS	LPHS	
Syarikat Subsidiari (100%)	9	4	1	14
Syarikat Subsidiari (>50%)	3	-	-	3
Syarikat Bersekutu (<50%)	18	-	-	18
JUMLAH SYARIKAT (Bilangan)	30	4	1	35
PELABURAN (RM Juta)	1,731.55	37.71	2.78	1,772.04

Sumber: Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

6.5.2.2. Status Syarikat Subsidiari

Daripada 35 syarikat yang dilaburkan, sebanyak 17 syarikat merupakan syarikat subsidiari PKNS, PKPS dan LPHS di mana 15 syarikat subsidiari berstatus aktif dan dua (2) berstatus dormant. PKNS mempunyai bilangan syarikat subsidiari yang terbanyak iaitu 12 syarikat subsidiari. Butiran adalah seperti **Jadual 6.12**.

JADUAL 6.12
BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN
BERKANUN NEGERI YANG AKTIF DAN DORMAN TAHUN 2017

BADAN BERKANUN NEGERI	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI (EKUITI LEBIH DARIPADA 50%)		
	STATUS AKTIF	STATUS DORMAN	JUMLAH
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	12	-	12
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	2	2	4
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	1	-	1
JUMLAH	15	2	17

Sumber: Penyata Kewangan BBN Belum Beraudit Tahun 2017

6.5.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Semasa dan Terkumpul Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri

- a. Pada 31 Disember 2017, sebanyak tujuh (7) syarikat subsidiari PKNS, PKPS dan LPHS telah mencatat keuntungan semasa berjumlah RM31.07 juta. Sembilan (9) syarikat subsidiari PKNS dan PKPS mencatat kerugian semasa berjumlah RM29.70 juta. Satu (1) syarikat subsidiari PKPS tidak mencatatkan keuntungan/kerugian semasa kerana tidak mempunyai transaksi pada tahun semasa. Lima (5) syarikat subsidiari PKNS menyumbang keuntungan semasa tertinggi iaitu RM30.01 juta manakala tujuh (7) syarikat subsidiari PKNS mencatat kerugian semasa yang tertinggi iaitu RM22.15 juta. Butiran adalah seperti **Jadual 6.13**.

JADUAL 6.13
ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN SEMASA SYARIKAT
SUBSIDIARI BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2017

BADAN BERKANUN NEGERI	KEUNTUNGAN SEMASA		KERUGIAN SEMASA	
	BIL. SYARIKAT	(RM Juta)	BIL. SYARIKAT	(RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	5	30.01	7	-22.15
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	1	0.03	2	-7.55
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	1	1.03	-	-
JUMLAH	7	31.07	9	-29.70

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari BBN Tahun 2017

- b. Setakat 31 Disember 2017, sembilan (9) syarikat subsidiari PKNS dan PKPS mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM870.31 juta manakala lapan (8) syarikat subsidiari PKNS, PKPS dan LPHS mencatat kerugian terkumpul berjumlah RM129.88 juta. Syarikat subsidiari PKNS mencatat keuntungan terkumpul yang tertinggi berjumlah RM870.30 juta. Butiran adalah seperti **Jadual 6.14**.

JADUAL 6.14
ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL SYARIKAT
SUBSIDIARI BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2017

BADAN BERKANUN NEGERI	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL	
	BIL. SYARIKAT	(RM Juta)	BIL. SYARIKAT	(RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	8	870.30	4	-43.68
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	1	0.01	3	-85.98
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	-	-	1	-0.22
JUMLAH	9	870.31	8	-129.88

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari BBN Tahun 2017

6.5.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

- 6.5.3.1. Sehingga 31 Julai 2018, penyata kewangan tahun 2017 bagi 12 PBT sedang diaudit. Prestasi kewangan PBT bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 6.15**.

JADUAL 6.15
PRESTASI KEWANGAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PENDAPATAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017			KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	SURPLUS/DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	282.02	291.62	-9.60	418.20	51.10	367.10
2.	Majlis Bandaraya Shah Alam	442.19	418.03	24.16	899.75	535.95	363.80
3.	Majlis Perbandaran Sepang	155.50	122.79	32.71	471.64	141.05	330.59
4.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	385.12	422.62	-37.50	616.56	424.34	192.22
5.	Majlis Perbandaran Klang	245.45	223.15	22.30	341.43	193.10	148.33
6.	Majlis Perbandaran Kajang	194.75	201.11	-6.36	642.13	528.20	113.93
7.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	137.79	133.93	3.86	218.50	110.66	107.84
8.	Majlis Daerah Hulu Selangor	83.49	69.73	13.76	128.39	38.96	89.43
9.	Majlis Perbandaran Selayang	290.00	265.64	24.36	411.24	322.10	89.14
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	63.15	53.65	9.50	110.36	53.19	57.17
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	22.14	23.31	-1.17	18.46	5.11	13.35
12.	Majlis Daerah Kuala Selangor	61.60	60.14	1.46	96.27	128.63	-32.36
JUMLAH		2,363.20	2,285.72	77.48	4,372.93	2,532.39	1,840.54

Sumber: Penyata Kewangan PBT Belum Beraudit Tahun 2017 Kecuali Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya

6.5.3.2. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan PBT tahun 2017 adalah memuaskan yang mana lapan (8) PBT mencatat surplus dan empat (4) PBT mencatat defisit. Aset semasa bersih dan kutipan cukai taksiran keseluruhan PBT masing-masing meningkat sejumlah RM29.49 juta dan RM57.92 juta diimbang dengan penurunan surplus sejumlah RM46.06 juta dan peningkatan tunggakan cukai taksiran sejumlah RM36.86 juta. Penerangan lanjut adalah seperti perenggan berikut:

6.5.3.3. Surplus/Defisit

Pada tahun 2017, sebanyak lapan (8) PBT mencatat surplus manakala empat (4) PBT mencatat defisit. Analisis surplus/defisit menunjukkan surplus keseluruhan PBT menurun sejumlah RM46.06 juta berbanding tahun 2016. PBT yang mencatatkan penurunan surplus/pertambahan defisit yang ketara ialah Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB). PBT yang mencatatkan peratusan penurunan surplus tertinggi ialah MPSJ iaitu sebanyak 3,528.6% (RM9.88 juta) disebabkan peningkatan ketara Perbelanjaan Pembangunan. Bagaimanapun, satu (1) PBT menunjukkan perubahan daripada defisit pada tahun 2016 kepada surplus pada tahun 2017 iaitu Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Sementara itu, PBT yang mencatatkan peratusan peningkatan surplus tertinggi berbanding tahun 2016 ialah Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) iaitu sebanyak 2,496.2% (RM13.23 juta) disebabkan pengurangan

Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM19.3 juta dan peningkatan hasil sebanyak RM3.2 juta. Kedudukan surplus/defisit PBT bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.16**.

JADUAL 6.16
ANALISIS SURPLUS/DEFISIT PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Hulu Selangor	13.76	0.53	13.23	2,496.2
2.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	3.86	-28.25	32.11	113.7
3.	Majlis Bandaraya Shah Alam	24.16	16.19	7.97	49.2
4.	Majlis Daerah Kuala Selangor	1.46	1.10	0.36	32.7
5.	Majlis Perbandaran Selayang	24.36	21.45	2.91	13.6
6.	Majlis Perbandaran Sepang	32.71	39.07	-6.36	-16.3
7.	Majlis Perbandaran Klang	22.30	37.09	-14.79	-39.9
8.	Majlis Daerah Kuala Langat	9.50	23.30	-13.80	-59.2
9.	Majlis Perbandaran Kajang	-6.36	15.39	-21.75	-141.3
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	-1.17	0.24	-1.41	-587.5
11.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	-37.50	-2.85	-34.65	-1,215.8
12.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	-9.60	0.28	-9.88	-3,528.6
JUMLAH		77.48	123.54	-46.06	37.3

Sumber: Penyata Kewangan PBT Beraudit Tahun 2016
Penyata Kewangan PBT Belum Beraudit Tahun 2017 Kecuali Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya

6.5.3.4. Aset Semasa Bersih

Pada tahun 2017, 11 PBT mempunyai aset semasa melebihi liabiliti semasa. Keseluruhan aset semasa bersih PBT berjumlah RM1.84 bilion, meningkat sejumlah RM29.49 juta berbanding tahun 2016 berjumlah RM1.81 bilion. Sebanyak lapan (8) PBT mencatat peningkatan aset semasa bersih manakala empat (4) PBT mencatat penurunan. PBT yang mencatat peratusan peningkatan tertinggi ialah MDKL dengan jumlah RM15.51 juta disebabkan terutamanya peningkatan dalam simpanan tetap sejumlah RM9.00 juta. MBPJ mencatat penurunan ketara sejumlah RM56.99 juta disebabkan terutamanya penurunan dalam simpanan tetap dan wang dalam bank dan di tangan sejumlah RM69.27 juta. Kedudukan aset semasa bersih adalah seperti **Jadual 6.17**.

JADUAL 6.17
ANALISIS ASET SEMASA BERSIH
PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	Pihak Berkuasa Tempatan	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	367.10	356.46	10.64	3.0
2.	Majlis Bandaraya Shah Alam	363.80	348.99	14.81	4.2
3.	Majlis Perbandaran Sepang	330.59	300.11	30.48	10.2
4.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	192.22	249.21	-56.99	-22.9
5.	Majlis Perbandaran Klang	148.33	122.76	25.57	20.8

BIL.	Pihak Berkuasa Tempatan	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
6.	Majlis Perbandaran Kajang	113.93	123.77	-9.84	-8.0
7.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	107.84	121.66	-13.82	-11.4
8.	Majlis Daerah Hulu Selangor	89.43	71.64	17.79	24.8
9.	Majlis Perbandaran Selayang	89.14	98.20	-9.06	-9.2
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	57.17	41.66	15.51	37.2
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	13.35	10.86	2.49	22.9
12.	Majlis Daerah Kuala Selangor	-32.36	-34.27	1.91	5.6
JUMLAH		1,840.54	1,811.05	29.49	1.6

Sumber: Penyata Kewangan PBT Beraudit Tahun 2016
 Penyata Kewangan PBT Belum Beraudit Tahun 2017 Kecuali Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya

6.5.3.5. Kutipan Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Pada tahun 2017, kutipan cukai taksiran berjumlah RM1.39 bilion, meningkat sejumlah RM57.92 juta berbanding tahun 2016. Kedudukan kutipan cukai taksiran bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.18**.

JADUAL 6.18
KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Kuala Selangor	28.93	25.39	3.54	13.9
2.	Majlis Daerah Hulu Selangor	57.47	52.55	4.92	9.4
3.	Majlis Daerah Kuala Langat	31.78	29.98	1.80	6.0
4.	Majlis Perbandaran Sepang	104.03	99.17	4.86	4.9
5.	Majlis Perbandaran Kajang	94.06	89.84	4.22	4.7
6.	Majlis Bandaraya Shah Alam	279.29	267.27	12.02	4.5
7.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	193.58	185.41	8.17	4.4
8.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	243.85	233.79	10.06	4.3
9.	Majlis Perbandaran Selayang	100.25	96.71	3.54	3.7
10.	Majlis Perbandaran Klang	159.05	154.78	4.27	2.8
11.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	92.96	90.95	2.01	2.2
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	5.92	7.41	-1.49	-20.1
JUMLAH		1,391.17	1,333.25	57.92	4.3

Sumber: Penyata Kewangan PBT Beraudit Tahun 2016
 Penyata Kewangan PBT Belum Beraudit Tahun 2017 Kecuali Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya

6.5.3.6. Tunggakan Cukai Taksiran

- Pada akhir tahun 2017, tunggakan cukai taksiran berjumlah RM577.65 juta, meningkat sejumlah RM36.86 juta berbanding tahun 2016. Sebanyak 10

daripada 12 PBT telah mencatat peningkatan tunggakan manakala dua (2) PBT mencatat penurunan. Kedudukan tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.19**.

JADUAL 6.19
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Selayang	55.20	39.80	15.40	38.7
2.	Majlis Perbandaran Sepang	39.77	32.50	7.27	22.4
3.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	80.18	67.98	12.20	17.9
4.	Majlis Daerah Sabak Bernam	3.13	2.93	0.20	6.8
5.	Majlis Daerah Kuala Selangor	27.89	26.24	1.65	6.3
6.	Majlis Bandaraya Shah Alam	57.89	55.15	2.74	5.0
7.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	55.95	54.12	1.83	3.4
8.	Majlis Daerah Kuala Langat	10.95	10.54	0.41	3.9
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor	81.03	80.13	0.90	1.1
10.	Majlis Perbandaran Kajang	45.30	44.89	0.41	0.9
11.	Majlis Perbandaran Klang	57.86	59.96	-2.10	-3.5
12.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	62.50	66.55	-4.05	-6.1
JUMLAH		577.65	540.79	36.86	6.8

Sumber: Penyata Kewangan PBT Beraudit Tahun 2016
Penyata Kewangan PBT Belum Beraudit Tahun 2017 Kecuali Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya

- b. Berdasarkan penyata kewangan tahun 2017, keseluruhan pendapatan 12 PBT berjumlah RM2.36 bilion berbanding keseluruhan tunggakan cukai taksiran berjumlah RM577.65 juta. Sekiranya jumlah tunggakan cukai taksiran ini dapat dikutip, keseluruhan pendapatan PBT akan meningkat kepada RM2.94 bilion. Justeru itu, semua PBT perlu berusaha gigih untuk mengutip tunggakan cukai taksiran. Tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 6.20**.

JADUAL 6.20
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BERBANDING PENDAPATAN TAHUN 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BERBANDING PENDAPATAN (%)
1.	Majlis Daerah Hulu Selangor	81.03	83.49	97.1
2.	Majlis Daerah Kuala Selangor	27.89	61.60	45.3
3.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	55.95	137.79	40.6
4.	Majlis Perbandaran Sepang	39.77	155.50	25.6
5.	Majlis Perbandaran Klang	57.86	245.45	23.6
6.	Majlis Perbandaran Kajang	45.30	194.75	23.3
7.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	62.50	282.02	22.2
8.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	80.18	385.12	20.8
9.	Majlis Perbandaran Selayang	55.20	290.00	19.0
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	10.95	63.15	17.3

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BERBANDING PENDAPATAN (%)
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	3.13	22.14	14.1
12.	Majlis Bandaraya Shah Alam	57.89	442.19	13.1
JUMLAH		577.65	2,363.20	24.4

Sumber: Penyata Kewangan PBT Beraudit Tahun 2016
 Penyata Kewangan PBT Belum Beraudit Tahun 2017 Kecuali Penyata Kewangan Majlis
 Perbandaran Ampang Jaya

- c. Perbandingan antara tunggakan cukai taksiran dan pendapatan tahun 2017 mendapati peratus tunggakan cukai taksiran MDHS melebihi 97%. Bagaimanapun, tunggakan MDHS yang berjumlah RM81.03 juta adalah termasuk hutang ragu sebanyak RM62.01 juta.

6.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

6.6.1. Sehingga 31 Julai 2018, kedudukan penyerahan penyata kewangan agensi negeri bagi 2017 adalah baik di mana semua 26 agensi telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 untuk diaudit. Daripada 26 agensi tersebut, 13 agensi telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan manakala 13 agensi selepas tempoh tersebut. Bagi pengesahan penyata kewangan tahun 2017 pula, 26 penyata kewangan yang telah diterima sedang diaudit.

6.6.2. Semua agensi negeri kecuali LUAS yang terlibat telah membentangkan penyata kewangan tahun 2017 yang telah dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 3 November 2017. Penyata kewangan LUAS pula telah dibentangkan di DNS pada 27 Mac 2018.

6.6.3. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan tujuh (7) Badan Berkanun Negeri yang perlu dibentang di DNS bagi tahun 2017 adalah baik memandangkan keuntungan terkumpul dan aset semasa bersih masing-masing meningkat sebanyak 2.4% dan 14.3% berbanding tahun 2016 walaupun surplus berkurang sejumlah RM180.68 juta. Sebanyak sembilan (9) syarikat subsidiari Badan Berkanun Negeri telah mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM870.31 juta manakala lapan (8) syarikat subsidiari mencatat kerugian terkumpul berjumlah RM129.88 juta.

6.6.4. Prestasi kewangan secara keseluruhan 12 Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2017 adalah memuaskan yang mana aset semasa bersih dan kutipan cukai taksiran masing-masing meningkat sebanyak 1.6% dan 4.3% walaupun terdapat penurunan surplus sebanyak 37.3% serta peningkatan tunggakan cukai taksiran sebanyak 6.8%.

6.6.5. Agensi negeri perlu mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, agensi negeri hendaklah meneruskan usaha untuk meningkatkan prestasi kewangan bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan.

BAHAGIAN V
PEMBENTANGAN LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA DAN
MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM
NEGERI

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

7. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI SERTA AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Negeri Selangor. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2016 serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2016 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 27 Mac 2018.


8. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Sepanjang tahun 2017 hingga 30 Jun 2018, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor tidak membincangkan perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2015 dan 2016. Bagaimanapun, jawatankuasa telah bermesyuarat empat (4) kali untuk membuat pemeriksaan dan membincang isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2015 serta 2016 seperti **Jadual 8.1**.

JADUAL 8.1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI	PERKARA DIBINCANGKAN
Tahun 2017			
Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2			
4	17 Mei 2017	i. Jabatan Agama Islam Selangor ii. Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	Pengurusan Pembinaan Kompleks Islam Kuala Selangor
Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1			
12	21 Disember 2017	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Pengurusan Pusat Latihan Awam Selangor
Tahun 2018			
Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1			
1	11 Januari 2018	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Pengurusan Hutan Lipur
2	8 Februari 2018	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Pengurusan Perolehan

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan agensi negeri bagi tahun 2017 adalah baik. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2017 adalah memuaskan berbanding tahun 2016. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri adalah baik manakala Pihak Berkuasa Tempatan memuaskan. Prestasi pelaksanaan projek RMKe-11 (2016 hingga 2020) pada akhir tahun 2017 juga adalah memuaskan. Prestasi masih boleh dimantapkan lagi dan adalah disyorkan langkah penambahbaikan diambil seperti berikut:

- a. Kerajaan Negeri disarankan meneruskan usaha mengurangkan tunggakan hasil/ bayaran balik pinjaman/hutang lain dan Pinjaman Boleh Dituntut supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat;
- b. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan;
- c. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mewujudkan sistem *check and balance*, mengadakan pemantauan berterusan, *spot check* dan penilaian secara berkala terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai termasuk memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pegawai; dan
- d. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

23 Oktober 2018



LAMPIRAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Selangor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Selangor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta

mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Selangor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Selangor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Pegawai Kewangan Negeri, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Selangor telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini diangkat untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

8 JUN 2018



**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR
DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2017 dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2017.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2017.



DATO' NOR AZME DIRON
Pegawai Kewangan Negeri
30 Januari 2018



ROZAIMI IDRIS
Bendahari Negeri
30 Januari 2018

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2017

	Nota	2017 RM	2016 RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	725,101,697.53	50,319,371.10
PELABURAN	4	2,113,717,501.39	3,000,886,671.92
		<u>2,838,819,198.92</u>	<u>3,051,206,043.02</u>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	1,082,363,210.15	1,450,921,628.34
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	1,756,455,988.77	1,600,284,414.68
		<u>2,838,819,198.92</u>	<u>3,051,206,043.02</u>

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran IV

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

		2017		2016	
	Nota	RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		666,380,215.94		594,682,378.82	
Hasil Bukan Cukai		1,929,108,096.51		1,720,447,845.05	
Terimaan Bukan Hasil		<u>214,615,459.20</u>	2,810,103,771.65	<u>184,534,381.76</u>	2,499,664,605.63
Pinjaman					
Dalam Negeri	6	52,084,295.00		99,897,250.00	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	52,084,295.00	<u>0.00</u>	99,897,250.00
Terimaan Modal					
Pelbagai Terimaan Modal	7	19,867,847.62		19,465,165.43	
Jualan Instrumen Kewangan	4	<u>887,169,170.53</u>	907,037,018.15	<u>22,770,282.12</u>	42,235,447.55
Terimaan Lain					
Terimaan Amanah	7	<u>123,299,060.57</u>	123,299,060.57	<u>0.00</u>	0.00
Jumlah Terimaan			<u>3,892,524,145.37</u>		<u>2,641,797,303.18</u>
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		464,960,024.00		401,336,265.13	
Perkhidmatan dan Bekalan		497,595,571.50		490,796,073.31	
Aset		19,521,670.89		24,595,845.75	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		538,757,532.65		382,788,487.56	
Perbelanjaan Lain		<u>47,986,959.99</u>	1,568,821,759.03	<u>76,964,221.83</u>	1,376,480,893.58
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		1,592,666,499.14		1,320,955,540.05	
Pinjaman		<u>39,079,629.10</u>	1,631,746,128.24	<u>43,518,129.70</u>	1,364,473,669.75
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
Pinjaman					
Dalam Negeri	9	17,173,931.67		22,729,918.00	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	17,173,931.67	<u>0.00</u>	22,729,918.00
Bayaran Lain					
Bayaran Amanah		<u>0.00</u>	0.00	<u>62,746,500.48</u>	62,746,500.48
Jumlah Bayaran			<u>3,217,741,818.94</u>		<u>2,826,430,981.81</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			674,782,326.43		(184,633,678.63)
Wang Tunai Pada 1 Januari			50,319,371.10		234,953,049.73
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u><u>725,101,697.53</u></u>		<u><u>50,319,371.10</u></u>

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

		2017		2016
	Nota	Anggaran	Sebenar	Sebenar
		RM	RM	RM
HASIL	5	2,550,000,000.00	2,810,103,771.65	2,499,664,605.63
Tolak:				
Belanja Mengurus	5	1,650,000,000.00	1,585,995,690.70	1,399,210,811.58
LEBIHAN HASIL		900,000,000.00	1,224,108,080.95	1,100,453,794.05
Tolak:				
Belanja Pembangunan	7	1,800,000,000.00	1,631,746,128.24	1,364,473,669.75
LEBIHAN/ (KURANGAN) KESELURUHAN		(900,000,000.00)	(407,638,047.29)	(264,019,875.70)
DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman Dan Bantuan Luar Negeri			52,084,295.00	99,897,250.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan			19,867,847.62	19,465,165.43
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			335,685,904.67	144,657,460.27
JUMLAH PEMBIAYAAN			407,638,047.29	264,019,875.70

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2017

	Nota	2017 RM	2016 RM
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		1,187,598,276.48	1,038,120,264.11
Pelaburan		191,103,697.00	191,103,697.00
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		1,120,908,762.00	1,095,062,140.05

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Negeri Selangor, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
